

Sosialis



baca lanjut tentang Deklarasi 1 Mei 2017 di m/s 8



**Aksi sambutan
Hari Bumi
di Cameron Highlands**

> m/s 4



**PSM tanding
lebih kerusi
di Selangor**

> m/s 3

**Piagam Rakyat
terhadap Perjanjian
Perdagangan
Antarabangsa**

> m/s 12

**Tempat tahanan
tidak lagi
selamat?**

> m/s 10

Jangan tangguh lagi

Laksanakan segera Skim Insurans Pekerjaan

baca lanjut di m/s 6

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM)

adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah gengaman tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.

Matlamat PSM

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokradi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.



- ★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.
- ★ Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- ★ Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinaan.

★ Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Alamat ibu pejabat PSM:
Parti Sosialis Malaysia
140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.
Tel/Faks: 03-22762247
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama: Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.
<https://gabungkiri.wordpress.com/>

DARI MEJA PENGARANG

Bahang pilihanraya umum (PRU) semakin dirasakan sejak kebelakangan ini, apabila kita dapat melihat parti-parti aliran utama di negara kita, sama ada parti pemerintah atau parti pembangkang, sedang giat membuat pertunjukan politik untuk memancing undi rakyat. PRU yang akan datang sememangnya akan menjadi satu PRU yang mengelirukan, bukannya kerana lebih banyak parti politik yang akan bertanding, tetapi keliru dari segi penampilan parti-parti politik aliran utama yang semakin hari semakin tiada perbezaan.

Aspirasi untuk menumbangkan pemerintahan UMNO-BN yang dibawa oleh pihak pembangkang aliran utama sebelum ini, nampaknya semakin pudar apabila puak Mahathir menyertai barisan pembangkang dan diangkat seolah-olah Ketua Pembangkang pada masa kini. Kerjasama Pakatan Harapan dan Parti BERSATU tidak menyajikan apa-apa visi politik yang menyegarkan, malah perkara yang sekunder seperti siapa bakal Perdana Menteri jika mereka mengambilalih kuasa pun tidak jelas lagi. Rakyat memang mahukan perubahan, tetapi keyakinan terhadap parti-parti pembangkang aliran utama adalah tidak kukuh pada masa kini.

Dalam keadaan politik yang bercelaru dan ancaman krisis ekonomi yang semakin menjadi-jadi, walaupun Parti Sosialis Malaysia (PSM) masih merupakan sebuah parti yang sangat kecil, tetapi kami ingin mengambil kesempatan musim pilihanraya untuk mengemukakan visi politik kiri demi membina sebuah masyarakat yang adil dan sejahtera untuk semua.

PSM bukannya parti yang bermusimkan pilihanraya. PSM sentiasa melakukan kerja akar umbi, berkhidmat untuk rakyat yang memerlukan bantuan dan mengatur perjuangan untuk menuntut hak rakyat, tanpa mengharap undi semasa pilihanraya. Agenda politik PSM amat jelas, iaitu memperkasakan rakyat untuk

memperjuangkan masyarakat yang benar-benar bebas, demokratik, adil dan sejahtera. Hanya rakyat yang sedar dan berorganisasi secara demokratik dari bawah, barulah kita boleh mewujudkan perubahan sosial yang dapat mengembalikan kuasa kepada rakyat dan mewujudkan susunan sosio-ekonomi yang adil lagi saksama.

PSM melibatkan diri dalam pilihanraya dengan hasrat membawa aspirasi rakyat marhaen dan visi masyarakat alternatif yang berasaskan prinsip kesamarataan, keadilan sosial dan persaudaraan sesama manusia. Sama ada menang atau kalah, PSM tetap akan memperjuangkan nasib rakyat marhaen. Namun, kemenangan yang membolehkan wakil rakyat PSM memasuki Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri (DUN), pastinya akan memberangsangkan lagi usaha perjuangan rakyat marhaen.

PSM juga bersedia menawarkan calon pilihanraya yang berkualiti, iaitu calon yang bersih, berani, berprinsip dan berjiwa rakyat. Sekarang ini, PSM mempunyai seorang ahli parlimen sahaja dalam Dewan Rakyat, tetapi ahli parlimen PSM, Dr. Jeyakumar Devaraj, telah menunjukkan teladan wakil rakyat berhaluan kiri yang bermutu tinggi, dan melakukan banyak usaha untuk memperjuangkan kepentingan rakyat marhaen. Bayangkanlah kalau kita ada lebih ramai lagi wakil rakyat PSM, semestinya akan membawa lebih impak kepada politik negara kita yang masih didominasi golongan elit politikus pada takat ini.

Perwakilan politik kiri dalam Parlimen dan DUN boleh menjadi pelengkap kepada perjuangan rakyat untuk perubahan dasar. Namun, tanpa mobilisasi dan gerakan perjuangan rakyat yang mantap, apa-apa perwakilan politik kiri dalam Parlimen pun tidak akan dapat membawa perubahan yang bermakna. ##

Langganlah Akhbar Sosialis Sekarang!

Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar **SOSIALIS** Bahasa Melayu)

Nama: _____

Alamat: _____

Telefon: _____

Faks: _____

Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**
140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields
50470 Kuala Lumpur

Tel/Faks: 03-22762247
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Lindungi petani jamin pengeluaran makanan

PSM Sungai Siput lancarkan kempen Pertahankan Pengeluaran Makanan Tempatan

Parti Sosialis Malaysia Cawangan Sungai Siput telah melancarkan kempen “Pertahankan Pengeluaran Makanan Tempatan” pada 1 April lalu. PSM Sungai Siput bersama dengan Gabungan Petani dan Penternak Sungai Siput telah turun ke pasar pagi di pekan Sungai Siput untuk mengutip tandatangan penduduk tempatan. Isu bekalan makanan bukan sahaja berkaitan rapat dengan rezeki petani kecil, tetapi juga mempengaruhi harga makanan tempatan. Usaha melindungi petani kecil tempatan juga akan membantu dalam memastikan taraf sara diri makanan di negara kita dan menjamin rakyat Malaysia mendapat bekalan makanan yang secukupnya tanpa bergantung pada turun naik harga makanan pasaran sedunia yang tidak menentu.

Kempen terbaru PSM ini membawa tuntutan berikut kepada Menteri

Besar Perak:

1. Kekalkan pengeluaran makanan tempatan.
2. Melindungi petani dan penternak dengan memberikan geran tanah kepada mereka.
3. Jika kerajaan perlu membuat projek pembangunan, sila ambil tanah syarikat perladangan besar seperti Sime Darby.
4. Jika kerajaan terpaksa mengambil tanah pertanian untuk kepentingan awam seperti hospital, sekolah dan jalan raya, maka harus memberikan tanah gantian yang sesuai kepada petani dan penternak.
5. Menggubal undang-undang yang melindungi petani dan penternak kecil. ##



Perlunya Piagam Rakyat terhadap Perjanjian Perdagangan Antarabangsa

PSM telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan satu persidangan meja bulat pada 26 April lalu di Kuala Lumpur, bagi membincangkan Piagam Rakyat terhadap Perjanjian Perdagangan Antarabangsa. Persidangan meja bulat tersebut telah dihadiri wakil organisasi masyarakat dan aktivis yang prihatin pada isu perdagangan dan keadilan sosial.

Peserta-peserta persidangan meja bulat telah mengenalpasti bagaimana perjanjian perdagangan mencabuli hak rakyat dan menggariskan prinsip-prinsip yang patut dipatuhi untuk melindungi hak rakyat apabila membuat perjanjian perdagangan bebas dengan negara lain.

Perbincangan telah melontarkan banyak idea tentang dasar-dasar yang patut diperkenalkan dan juga perkara-perkara yang tidak boleh dirundingkan dalam mana-mana perjanjian perdagangan antarabangsa.

Menurut Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM, satu pelan tindakan dan kempen akan dirancang untuk mewujudkan kesedaran rakyat tentang perlunya perjanjian perdagangan alternatif yang berbeza daripada apa yang ada sekarang, dan juga melobi pembuat dasar untuk menerima Piagam Rakyat terhadap Perjanjian Perdagangan Antarabangsa. ##

PSM akan letak lebih calon di Selangor



“PSM menawarkan diri untuk meletakkan calon dan bertanding di kawasan-kawasan yang kami telah terbukti berkhidmat kepada rakyat dan menyelesaikan pelbagai masalah rakyat walaupun belum lagi jadi wakil rakyat,” begitu katanya Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM, apabila mengulas tentang perancangan PSM di negeri Selangor semasa Pilihanraya Umum ke-14.

Menurut Sivarajan, “PSM masih komited untuk bekerjasama dengan Pakatan Harapan (PH) dalam usaha menumbangkan BN. PSM juga tidak ingin melihat Kerajaan PH tumbang di Selangor.”

“Namun, rakyat Selangor kini mendahagakan wakil rakyat yang boleh dan terbukti berkhidmat untuk rakyat dalam menyelesaikan masalah

mereka,” tegas Sivarajan.

“Rakyat sudah bosan dengan retorik politik. Mereka kecewa apabila mengundi calon yang nampaknya pakar membongkarkan rasuah dan salahlaku BN, tetapi gagal sebagai wakil rakyat yang memahami hasrat rakyat dan memperjuangkan hak mereka.”

Oleh yang demikian, PSM telah bersedia untuk bertanding di kawasan-kawasan yang telah berkhidmat bertahun-tahun dengan menampilkan calon yang benar-benar dapat memperjuangkan kepentingan rakyat.

“Cukup sudah bagi ahli politik yang hanya pandai retorik! Rakyat Selangor perlukan wakil rakyat yang benar-benar berkhidmat di peringkat akar umbi.” ##

5 Ladang di Batang Berjuntai tuntutan pada Berjaya Laksanakan janji bina rumah alternatif

Lebih kurang 300 orang pekerja dari 5 buah ladang di Batang Berjuntai, Selangor, telah mengadakan protes di Berjaya Times Square pada 13 April lalu, untuk menuntut hak perumahan.

5 buah ladang tersebut ialah Ladang Mary, Ladang Nigel Gardner, Ladang Sungai Tinggi, Ladang Minyak dan Ladang Bukit Tagar. Pekerja-pekerja yang merupakan generasi ke-4 menduduki ladang ini, telah dijanjikan rumah alternatif sejak tahun 1998

oleh Berjayacity, sebuah anak syarikat Berjaya Corporation. Namun, masalah perumahan untuk kelima-lima ladang ini masih belum selesai.

Pekerja-pekerja berprotes di hadapan Berjaya Corporation yang terletak di Berjaya Times Square di Kuala Lumpur untuk menyuarakan tuntutan mereka dan mendesak syarikat Berjaya melaksanakan janjinya untuk membina rumah alternatif bagi pekerja ladang. ##





Pada 22 April lalu, Hari Bumi disambut di seluruh dunia. Bandar Tanah Rata di Cameron Highlands, Pahang, telah digegarkan dengan laungan slogan “Selamatkan Bumi!”, “Jangan Tebang Hutan!” dan “Hidup Orang Asli!”. Pelancong dari dalam dan luar negeri yang melawat Cameron Highlands pada hari itu telah dikejutkan oleh satu perarakan yang membawa suara hati rakyat untuk melindungi alam sekitar.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah menganjurkan aksi sambutan Hari Bumi pada tahun ini di Tanah Rata, Cameron Highlands. Peserta-peserta aksi telah berarak di jalanan Tanah Rata dengan membawa tuntutan untuk melindungi alam sekitar daripada kehancuran kegiatan ekonomi yang mementingkan keuntungan semata-mata. Tema untuk aksi sambutan Hari Bumi anjuran PSM tahun ini adalah “Kurangkan Karbon, Selamatkan Hutan dan Perkasakan Orang Asli”.

Aksi sambutan ini telah disertai oleh aktivis PSM, masyarakat sivil dan juga masyarakat Orang Asli yang tinggal di sekitar kawasan Cameron Highlands dan Gua Musang.

Sambutan Hari Bumi amat bermakna kepada kita semua, kerana kita hanya adanya satu Bumi, dan seluruh umat manusia tidak akan dapat hidup sekiranya satu-satu Bumi kita ini dihancurkan oleh pencemaran alam sekitar. Krisis iklim telah menjadi satu

Kurangkan Karbon, Selamatkan Hutan, Perkasakan Orang Asli

isu yang amat penting sejak dua dekad lalu, kerana masalah ini sedang mengancam masyarakat manusia. Pelepasan karbon yang begitu banyak ke dalam atmosfera oleh aktiviti-aktiviti manusia telah menyebabkan iklim di seluruh dunia berubah. Kebanyakan karbon yang dibebaskan dalam bentuk karbon dioksida (CO₂) atau karbon monoksida (CO) berpunca daripada pembakaran bahan api fosil dalam industri penjaan tenaga. Kita memang kesuntukan masa untuk menyelesaikan krisis iklim yang semakin serius ini.

“Sistem politik kita mesti berubah untuk mengurangkan pengeluaran karbon,” begitu katanya Suresh Kumar, Ahli Jawatankuasa Pusat PSM merangkap Penyelaras Biro Alam Sekitar PSM.

PSM juga bimbang tentang masalah kemusnahan hutan di negara kita, yang sedang mengancam ekologi alam sekitar dan kehidupan masyarakat Orang Asli. Hutan merupakan satu unsur yang sangat penting dalam mengurangkan peratusan karbon dalam udara. Sejak tahun 1990, hutan di Malaysia ditebang purata 0.43% setahun dan peratusan ini bertambah ke 0.65% sejak tahun 2000. Sesetengah negeri



seperti Kelantan dan Pahang menggunakan hasil hutan yang ditebang sebagai salah satu pendapatan utama bagi negeri tersebut. Perkara ini wujud kerana sistem politik di Malaysia tidak berdasarkan kepada kepentingan rakyat dan alam sekitar, tetapi lebih menggalakkan sifat membuli, tiada solidariti dan menafikan hak parti-parti politik kecil dan tidak sehaluan. Kerajaan Kelantan dan Pahang juga selama ini gagal dalam mengalih sumber pendapatan negeri daripada hasil kayu balak kepada hasil-hasil lain yang lebih mampan.

Di samping itu, Orang Asli yang merupakan penjaga kepada hutan di negara kita, juga diancam dengan pengusiran akibat wilayah adat mereka diambilalih untuk tujuan pembalakan, perlombongan dan pembinaan yang hanya akan menguntungkan segelintir kecil golongan kapitalis.

Salah satu contoh adalah Orang Asli suku kaum Temiar dari Lojing, Kelantan, diusir dari wilayah adat mereka untuk memberi laluan kepada petani atau syarikat besar memperluaskan kawasan kebun sayur mereka. Sementara itu, Orang Asli suku kaum Semai di Pos Lanai, Pahang, sedang melawan TNB dan

Kerajaan Pahang daripada membina Empangan Telom di wilayah adat mereka. Di Pos Betau dan Pos Lenjang pula, Orang Asli suku kaum Semai sedang berdepan dengan masalah perlombongan dan pembalakan. PSM telah bersama dengan Orang Asli di beberapa kawasan ini untuk mempertahankan hak tanah adat mereka.

PSM telah bertekad untuk memperjuangkan perlindungan alam sekitar dan hak tanah adat Orang Asli. Rakyat perlu mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan berkaitan dengan pembangunan, supaya pembangunan yang dirancang benar-benar memanfaatkan rakyat biasa dan bersifat mampan serta memastikan kesinambungan ekologi alam sekitar. PSM menyeru pada rakyat Malaysia untuk menyertai perjuangan melindungi alam sekitar daripada kemusnahan kapitalis.

Kita hanya ada satu Bumi sahaja dan tiada penggantinya. Sekiranya kita gagal melindungi Bumi kita, bermakna kita akan menghancurkan dunia kehidupan manusia. Perlindungan alam sekitar daripada kehancuran sistem ekonomi kapitalis, adalah perjuangan semua umat manusia yang tinggal di Bumi ini. ##



Seruan rakyat

Dalam memorandum Hari Bumi yang ditandatangani peserta aksi 22 April lalu, telah dikemukakan tuntutan berikut:

- Membolehkan semua orang dapat hidup secara bermaruah, di samping menikmati hak untuk makanan, air bersih, kebersihan persekitaran, kesihatan, perumahan, pakaian, pendidikan, kebudayaan dan rekreasi.
- Menghapuskan penguasaan atau kawalan segelintir kecil manusia ke atas manusia lain.
- Membangunkan situasi di mana pekerja dan masyarakat mempunyai suara di tempat kerja dan tempat tinggal mereka.
- Mengalakkan supaya wakil rakyat yang terpilih dapat dilucutkan jawatan dengan serta-merta melalui pengundian rakyat, jika tidak memenuhi aspirasi rakyat dan alam sekitar.
- Mewujudkan semula keharmonian antara manusia dan alam semula jadi dalam semua aspek kehidupan, termasuk pertanian, industri, pengangkutan dan lain-lain.
- Pertanian patut dijalankan

hanya untuk memenuhi keperluan asas manusia.

- Tidak menggalakkan budaya konsumerisme, iaitu kepenggunaan yang tidak perlu.
- Melindungi sistem ekologi alam sekitar.
- Mengalakkan demokrasi tulen dalam membuat keputusan politik dan ekonomi.
- Memperkasakan OA.
- Utamakan alam sekitar dan Bumi dengan menghadkan pengeluaran karbon.
- Menyatukan manusia tanpa sempadan untuk memperjuangkan isu alam sekitar.
- Menyertai perjuangan alam sekitar walau sekecil mana pun.
- Mempertimbangkan gambaran yang lebih besar di dalam perjuangan alam sekitar. Perubahan iklim dan pelepasan karbon melibatkan Bumi kita, dan merupakan isu global.
- Memberikan analisis dan sokongan kepada mereka yang terjejas akibat keadaan cuaca yang tidak menentu (contoh banjir besar di Kelantan pada Disember 2014).

Kerajaan Perak perlu dedahkan akaun Perbadanan Menteri Besar

Sarasvathy (Timbalan Pengerusi PSM) bersama dengan Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak Perak, telah menyerahkan satu memorandum di Pejabat Menteri Besar Perak di Ipoh pada 3 April lalu, dengan tuntutan supaya Menteri Besar mengemukakan akaun-akaun tahunan Perbadanan Menteri Besar (PMB) Perak dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Perak.

Sebelum ini, Dr. Jeyakumar Devaraj, selaku Ahli Parlimen Sungai Siput, telah bertanya soalan berkenaan akaun-akaun tahunan 2011, 2012, 2013 dan 2014 bagi Perbadanan MB Perak, dan ditujukan kepada Menteri Kewangan di Parlimen pada tahun 2015. Namun, pertanyaan tersebut telah ditolak. Dalam surat yang bertarikh 6 Mac 2015, telah dimaklumkan bahawa “sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berhubung dengan apa-apa perkara yang terkandung dalam Senarai Negeri di bawah Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan”.

Pertanyaan Dr. Jeyakumar ditolak hanya atas alasan perkara tersebut terletak di bawah Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan, bukannya Kerajaan Negeri tidak boleh ataupun tidak perlu untuk mendedahkan akaun-akaun berkenaan kepada umum. Namun, Menteri Besar Perak memberi alasan semasa dalam ucapan penggulungan pada persidangan DUN pada 20 April

2016, bahawa Enakmen Perbadanan MB Perak tidak memperuntukkan atau menyatakan bahawa adanya keperluan untuk mengeluarkan penyata kewangan bagi perbadanan tersebut dalam Persidangan Dewan DUN Perak. Ini merupakan satu kenyataan yang tidak munasabah dan tidak bertanggungjawab untuk sesebuah kerajaan yang dipilih rakyat. Alasan tersebut juga tidak bersesuaian dengan semangat Perlembagaan.

Sesuatu perbadanan yang diberikan kuasa oleh Kerajaan Negeri dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti perniagaan dengan syarikat-syarikat lain, seharusnya bertindak secara telus dan tidak wajar berselindung di belakang alasan bahawa tiada peruntukan undang-undang yang menghendakkan Kerajaan Negeri mengemukakan akaun-akaun Perbadanan MB dalam Persidangan DUN.

Jikalau Perbadanan MB telah membantu Kerajaan Negeri Perak dalam menjana ekonomi negeri bagi kepentingan rakyat, kenapa begitu keberatan sangat untuk mengemukakan akaun-akaun perbadanan tersebut kepada umum, ataupun semasa dalam persidangan DUN, ataupun mempamerkan kepada



awam untuk mengetahui pretasi cemerlang perbadanan itu.

Sebagai contoh, Projek ikonik Bandar Tasek Amanjaya yang dibangunkan oleh Perbadanan MB dengan kerjasama Ipoh City Development Sdn Bhd, iaitu anak syarikat Putra Perdana Development Sdn Bhd yang di bawah Putrajaya Perdana Berhad. Bagi tujuan projek tersebut, Kerajaan Negeri telah melupuskan tanah seluas 1500 ekar di Tronoh kepada Perbadanan MB Perak pada bulan Julai 2012 untuk pelaksanaannya. Mengikut maklumat rasmi carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), telah disahkan bahawa ada beberapa syarikat-syarikat lain yang berkaitan dengan City Development Sdn Bhd terlibat dalam membangunkan projek ini. Sementara itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) telah memutuskan bahawa cukai tanah bagi kawasan yang terlibat dalam projek ini

dikecualikan selagi tanah tersebut dimiliki oleh Perbadanan MB Perak.

Adalah jelas bahawa Kerajaan Negeri Perak secara langsung dan tidak langsung telah membantu PMB dalam pembangunan projek tersebut. Perbadanan ini juga dengan sendirinya terlibat dalam aktiviti seperti perlombongan pasir sungai. Jadi, memang tiada sebabnya untuk

Menteri Besar Perak tidak mahu mengemukakan akaun-akaun perbadanan ini kepada DUN ataupun dengan cara yang lain, demi membuktikan ketelusan dan kecekapan dalam pengurusan kewangannya.

Baru-baru ini, Menteri Besar Perak juga telah mengumumkan bahawa Perak adalah negeri pertama yang mengambil inisiatif meletakkan seorang pegawai Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) di pejabatnya bagi memastikan pentadbiran berjalan lancar dan bebas daripada gejala rasuah. Oleh itu, apa lagi halangan untuk Kerajaan Negeri mendedahkan akaun-akaun PMB?

PSM menyeru pada Kerajaan Negeri Perak supaya mengemukakan penyata kewangan PMB semasa dalam persidangan DUN Perak. ##

Majikan halang pekerja sertai kesatuan

Pada 10 Mac lalu, semasa waktu rehat makan tengahari, Sarasvathy, selaku Setiausaha Eksekutif Kesatuan Pekerja-Pekerja Pembersihan Swasta Perkhidmatan Sokongan Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia, telah mengunjungi Hospital Teluk Intan untuk berjumpa dengan pekerja-pekerja pembersihan di situ. Beliau cuba memberi informasi tentang kesatuan tersebut kepada pekerja-pekerja kontrak yang bekerja di situ, supaya mereka dapat menyertai kesatuan untuk melindungi hak mereka. Sarasvathy telah berjumpa dengan beberapa orang pekerja, memberi penerangan dan menyerahkan risalah kesatuan kepada mereka.

Selepas sejam berjumpa di situ, Sarasvathy pun mula beredar pulang. Namun, secara tiba-tiba, ada orang menjerit “Hoi! Hoi!” dari jauh di belakangnya. Orang itu menjerit-jerit pada Sarasvathy, dan tanya, “kau siapa? Apa risalah ini? Apa kau bagi dekat pekerja sini? Kau keluar dari sini!” Sarasvathy bertanya siapa dia dan kenapa memarahinya. Orang itu memberitahu bahawa dia ialah penyelia pekerja pembersihan di situ. Penyelia itu terus bertelingkah dengan Sarasvathy dan cuba menghalaunya keluar dari situ, walaupun Sarasvathy sudah mahu

Kisah di Hospital Teluk Intan

beredar dari situ pada masa itu.

Kemudian datang seorang pegawai yang memperkenalkan dirinya sebagai Ketua Operasi, UEM Edgenta, syarikat kontraktor pembersihan hospital. Dia memberitahu Sarasvathy bahawa beliau boleh berjumpa dengan pihak atasannya pada pukul 3 petang nanti. Walaupun pada awalnya Sarasvathy sudah mula beredar keluar dari hospital, tetapi selepas insiden itu, beliau telah memutuskan untuk menunggu sehingga pukul 3 petang supaya dapat berjumpa dengan pihak pengurusan syarikat UEM Edgenta.

Semasa Sarasvathy sedang menunggu di hospital, tiba-tiba beliau mendapat maklumat bahawa pihak atasan syarikat UEM Edgenta memanggil semua pekerja pembersihan di hospital itu untuk satu mesyuarat tergempar. Dalam mesyuarat tersebut, pihak majikan telah memberi amaran kepada semua pekerja. Pihak pengurusan syarikat menunjukkan gambar Sarasvathy dan memberitahu kepada para pekerja

supaya jangan ikut cakap Saravathy. “Kalau dia bagi apa-apa risalah, jangan terima!” Pihak pengurusan juga mengugut pekerja, “kalau kami mendapat tahu siapa-siapa sertai kesatuan, kami akan ambil tindakan ke atas kamu semua!”

Sarasvathy berasa amat kecewa apabila mendapat tahu berita majikan mengugut pekerja. Oleh itu, beliau tidak bercadang untuk berjumpa dengan pihak pengurusan UEM Edgenta lagi pada hari itu. Saravathy telah membuat aduan polis dan aduan di Jabatan Perhubungan Perusahaan, kerana pihak Majikan UEM Edgenta dan NS Medik di Hospital Teluk Intan telah melanggar Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Mereka mencabuli hak pekerja menyertai kesatuan sekerja.

Menyertai kesatuan sekerja adalah hak setiap pekerja di negara kita. Hak ini termaktub dalam Seksyen (4) Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Tidak boleh mana-mana majikan menghalang dan mengugut pekerja daripada menyertai kesatuan sekerja.

Tindakan majikan pekerja kontrak di hospital yang menghalang pekerja daripada mendapat maklumat tentang kesatuan sekerja, jelas menunjukkan mereka ini langsung tidak mempedulikan kepentingan pekerja, malahan hanya menganggap pekerja kontrak ini sebagai sesuatu yang boleh diperah sesuka hati untuk keuntungan syarikat.

Ugutan dan ancaman terhadap pekerja jelas mempunyai niat untuk melemahkan lagi kesatuan sekerja dan memberi lebih ruang untuk majikan membuli pekerja. Ini juga sebenarnya menunjukkan bahawa majikan sangat takut pada kesatuan sekerja dan pekerja yang menyertai kesatuan sekerja. Oleh itu, fungsi dan keterlibatan kesatuan sekerja amat penting dalam mengangkat nasib golongan pekerja.

Katakan TIDAK kepada penindasan terhadap kesatuan sekerja. Majikan yang anti-kesatuan perlu dibongkarkan wajah sebenarnya. ##

Skim Insurans Pekerjaan satu permulaan yang baik

(Berikut adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh M. Sivaranjani, Ketua Biro Pekerja PSM, pada 30 April lalu, bagi menyatakan pendirian PSM dalam mempertahankan Skim Insurans Pekerjaan, di samping membidas posisi MEF dan PH.)

Sudah lebih 10 tahun Parti Sosialis Malaysia (PSM) menuntut pada kerajaan supaya menubuhkan satu Tabung Pemberhentian Pekerja untuk menjaga kebajikan pekerja yang hilang kerja secara tiba-tiba akibat syarikat bankrap, berpindah ke lokasi lain atau membuat pengurangan pekerja. Berikutan dengan perjuangan ini, suatu kempen nasional dilancarkan pada tahun 2015. Selepas satu diskusi meja bulat bersama kumpulan NGO dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), kami tetapkan tuntutan dan lancarkan kempen Tabung Pemberhentian Pekerja dengan cadangan-cadangan kaedah pelaksanaan. Dalam 2 tahun ini, kami telah menjalankan kempen jelajah (*roadshow*) di seluruh negara, dari Perlis hingga ke Johor, mengadakan perjumpaan dengan pekerja, mengedar risalah dan mengutip tandatangan sokongan.

Lebih 30,000 kad tandatangan telah diserahkan kepada Menteri Sumber Manusia, Richard Riot, pada 29 Mac yang lalu berikutan satu protes besar di luar Parlimen. Kami juga diberi jaminan bahawa Skim Insurans Pekerjaan (SIP) mengandungi hampir kesemua tuntutan yang dicadangkan di bawah kempen Tabung Pemberhentian Pekerja dan Menteri sendiri berjanji akan bawa SIP ini di Parlimen pada bulan Julai 2017 nanti.

SIP ini sedang mendapat tentangan hebat daripada Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) dan ini bukan sesuatu yang baru, kerana mana-mana undang-undang yang berfaedah kepada golongan pekerja pasti dipersoalkan oleh majikan. Maka, perjuangan berterusan oleh pekerja dan seluruh rakyat Malaysia amat perlu supaya undang-undang ini dapat dilaksanakan.

Selain MEF, sekarang Pakatan Harapan (PH) pula mengemukakan persoalan. PSM mengalu-alukan komen pihak Pakatan Harapan dalam isu SIP, walaupun sebelum ini mereka nampaknya tidak berminat memperjuangkan isu tabung pemberhentian pekerja dan lebih berminat dalam isu 1MDB.

Kenyataan media PH pada 28 April lalu membawa 10 persoalan tentang SIP.

PSM ingin memberikan pandangan kami mengenai persoalan yang telah diungkitkan oleh PH dan juga MEF:

1. SIP adalah satu bentuk insurans di mana apabila wujud keadaan syarikat bankrap dan pekerja tidak mendapat sebarang pampasan, maka pampasan pekerja akan dibayar daripada tabung SIP. Ini tiada kaitan dengan Faedah Renti Kerja yang terkandung dalam Akta Kerja 1955. Faedah ini tidak harus dimansuhkan, dan kekal untuk majikan yang memberhentikan pekerja supaya menyelesaikan pampasan mengikut Akta Kerja 1955. Kita juga harus faham bahawa pampasan yang akan

diperolehi oleh pekerja bukannya satu amaun yang tinggi. Seseorang pekerja yang kerja lebih 5 tahun, hanya layak untuk 20 hari gaji bagi setiap tahun bekerja. Wang ini boleh habis dengan cepat. Bagaimana mereka akan menyara hidup sehingga mendapat kerja baru? SIP ini juga harus bantu memberi elaun sara hidup sekurang-kurangnya untuk 6 bulan supaya pekerja itu boleh meneruskan usaha mencari kerja baru.

2. Pada masa sekarang, Akta Kerja 1955 hanya memberi perlindungan kepada pekerja yang berpendapatan RM 2000 dan ke bawah, tetapi SIP meluaskan perlindungan kepada pekerja sehingga pendapatan RM 4000, iaitu bersamaan dengan skop pekerja yang dilindungi di bawah PERKESO. Ini adalah satu kelebihan yang harus dialu-alukan. Mungkin selepas pelaksanaan, kita boleh menuntut kerajaan meluaskan lagi liputan kepada pekerja yang berada dalam kategori M40 juga. Tidak salah sekiranya ia memanfaatkan pekerja. Kami rasa ini adalah satu permulaan yang cukup baik.

3. PSM juga risau tentang kos pengurusan Kerajaan, yang kadangkala nampaknya membazir. Maka, kami amat mengalu-alukan apabila SIP diuruskan oleh badan PERKESO yang sedia ada, dan pihak Kementerian Sumber Manusia tidak mewujudkan lagi satu badan baru. Seperti kita ketahui, PERKESO adalah satu badan yang berpengalaman dalam kendalikan insurans sebegini. Maka, dana tabung akan bermanfaat kepada perlindungan pekerja, bukan kos pentadbiran.

4. SIP ini adalah satu perlindungan sosial seperti PERKESO. Kaum pekerja tiada masalah jika wang yang disumbang mereka kepada tabung ini tidak dapat balik kerana akhirnya seorang pekerja lain yang mendapat faedah. Pekerja akan meraikan solidariti dalam perlindungan ini. Ini adalah satu perlindungan jangka masa panjang bagi golongan pekerja. Pekerja akan merasai faedah ini apabila berlaku pemberhentian pekerja secara tiba-tiba dan memerlukan bantuan semasa mendapatkan kerja baru.

Matlamat ini tidak seharusnya diputarbelitkan dengan persoalan bahawa pekerja yang mencarum wang tidak akan mendapat apa jua manfaat jika mereka tidak mengalami pemberhentian kerja. Pada setiap tahun, seramai lebih kurang 60,000 pekerja yang didaftarkan menerima bantuan kemalangan kerja atau dalam perjalanan pergi balik kerja di bawah PERKESO. Angka ini lebih kurang sama dengan jangkaan MEF sendiri, bahawa setiap tahun berkemungkinan 50,000 pekerja diberhentikan kerja.

Jika boleh terima skim insurans PERKESO yang memanfaatkan 60,000 pekerja sahaja setiap tahun,

kenapa pula kita unkitkan persoalan bahawa hanya “sebilangan kecil” pekerja kehilangan kerja (50,000) setiap tahun dan tidak perlu adakan SIP?

Tambahannya pula, baru-baru ini pada 15 April 2017, berita di suratkhbar *The Star* menyatakan bahawa kadar pengangguran di Malaysia pada masa sekarang ialah 3.5%, yang merupakan peratusan yang tinggi dalam beberapa tahun ini, iaitu seramai 550,000 orang sedang menganggur. Angka pengangguran ini mungkin konservatif dan angka sebenarnya lebih tinggi. Daripada jumlah ini, seramai 300,000 pernah bekerja dan akibat pemberhentian kerja, mereka menjadi penganggur, dan masih mencari kerja. Jika SIP ini sudah wujud sekarang, ia akan membantu mengurangkan beban kewangan 300,000 penganggur ini.

5. Mengapa persoalkan pasal pulangan daripada SIP ini? Wang yang disumbangkan kepada PERKESO adalah untuk perlindungan sosial, bukan simpanan hari tua seperti KWSP untuk melabur di tempat lain bagi mendapatkan pulangan besar. Cadangan bahawa pekerja boleh mencarum dalam satu akaun ketiga KWSP dan mengeluarkan wang simpanan ini jika mereka diberhentikan kerja tidak praktikal. Ini adalah kerana, pampasan Faedah Renti Kerja yang sepatutnya dibayar tidak mungkin dapat dikumpul oleh pekerja, jika 1% daripada gaji pekerja disumbangkan ke akaun KWSP ini. Bagaimana pula jika pekerja diberhentikan selepas hanya beberapa bulan pekerja mula mencarum?

Konsep skim insurans adalah, dana kolektif dan risiko dikongsikan. Maka pekerja yang diberhentikan akan menerima sepenuhnya pampasan dan tidak bergantung kepada jumlah caruman dalam akaun individunya.

6. Satu kelebihan besar SIP juga adalah, ia harus memberi latihan kepada pekerja yang hilang kerja untuk penempatan semula. Kami tidak setuju bahawa Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) memainkan peranan latihan semula sekarang. SL1M ini walaupun wujud, kerajaan telah mengkontrakkan SL1M kepada agensi-agensi swasta untuk pelaksanaan. Agensi swasta bermotifkan keuntungan, bukannya memberi latihan yang berkualiti untuk menjadikan seseorang layak mendapat kerja baru. Kami mencadangkan bahawa SIP harus lebih efektif dan membentuk satu rangkaian automatik. Contohnya, apabila seseorang pekerja hilang kerja, dia akan lapor di Jabatan Tenaga Kerja (JTK) untuk tuntutan tunggakan gaji dan pampasan, maka JTK pada masa yang sama harus mendaftarkan pekerja itu dalam SIP



dan terus merujuknya ke kursus latihan dan penempatan semula. Maka, semuanya harus diuruskan oleh badan kerajaan tanpa penglibatan agensi swasta.

7. Mengikut MEF, sumbangan 0.25% syer majikan dan 0.25% syer pekerja untuk 6.8 juta pekerja yang menerima purata gaji RM 2800, akan berjaya mengumpul sumbangan sejumlah RM1.142 billion dalam satu tahun.

Mereka mengungkitkan persoalan, kenapakah perlunya suatu dana yang begitu besar? Dari tahun 2002 hingga 2012, seramai 222,198 pekerja telah diberhentikan kerja oleh 7130 majikan. Jumlah pampasan yang perlu dibayar tetapi tidak dibayar ialah RM 397.4 juta. Jadi, purata pampasan yang gagal dibayar oleh majikan adalah lebih kurang RM 39.7 juta setahun.

PSM difahamkan bahawa dana SIP ini akan digunakan untuk membayar RM39.7 juta yang gagal dibayar setiap tahun oleh majikan kepada pekerjanya, tambahan pula dana ini juga akan digunakan untuk latihan dan bayaran elaun bagi pekerja yang telah dibayar Faedah Renti Kerja oleh majikan tetapi masih gagal memperolehi kerja baru. Bayaran elaun kepada mereka yang masih belum memperolehi kerja adalah amat penting demi memastikan pekerja tersebut tidak terjerumus dalam kancas kemiskinan. Apabila pekerja kehilangan kerja secara tiba-tiba, berkemungkinan besar rumahnya dilelong, keretanya ditarik oleh bank, persekolahan anak mereka tergendala dan sebagainya, kerana tiada pendapatan semasa hilang kerja.

Secara tidak langsung, langkah ini juga akan membantu ekonomi tempatan, kerana pekerja yang hilang punca pendapatan masih dapat berbelanja memenuhi keperluan harian dengan wang elaun SIP. Maka, ekonomi kedai-kedai dan bisnes tempatan akan terus ada pelanggannya.

Juga angka peratusan 0.25% itu tinggi, maka PSM menyarankan hanya 50 sen dibayar majikan dan pekerja masing-masing. Ini memang tidak membebankan dan faedahnya tinggi.

(sambung di m/s 7)

Apa salahnya jika mereka yang berada bantu mereka yang tidak berada?

Mengapa PSM konsisten dalam sokong Skim Insurans Pekerjaan?

oleh Arul PSM

Pihak kelas majikan menentang hebat Skim Insurans Pekerjaan. Reaksi mereka juga adalah sama apabila Kerajaan mahu memperkenalkan Akta Gaji Minimum dan apabila kerajaan mahu memindahkan levi daripada pekerja migran kepada majikan. Apabila satu undang-undang baru yang nampak seperti pro-pekerja, kaum majikan akan menentanginya. PSM pula sebaliknya menyokong, malah berkempen hebat untuk Akta Gaji Minimum dan Tabung Pemberhentian Kerja. Kami juga mendesak kerajaan supaya menggubal akta ini di Parlimen kerana semakin lambat akta ini digubal, semakin parah nasib kaum pekerja. Kami juga menyokong levi pekerja asing wajib dibayar oleh majikan dan tidak dipindahkan kepada pekerja migran.

Skim ini bukannya terbaik, tetapi ia adalah langkah pertama untuk melindungi pekerja yang dibuang kerja kerana krisis ekonomi yang sebelum ini langsung tidak ada pembelaan. Seperti semua perkara, ia mempunyai kelemahan tetapi ia adalah satu langkah ke depan dan satu kemenangan untuk kaum pekerja. Ada juga beberapa aktivis lain yang telah menunjukkan beberapa kelemahannya. Ya, pandangan mereka harus diambilkira tetapi bukan dijadikan alasan untuk melambat-lambatkan satu akta baru yang telah diperjuangkan untuk satu jangka masa yang begitu lama. Semua faedah yang dinikmati pekerja hari ini adalah hasil perjuangan pekerja terdahulu. Justeru, hanya mereka yang berjuang hebat dan

menyeluruh memahami keperitan sesuatu perjuangan.

Untuk memantapkan hujah ini, cuba renungi senario berikut:

Pekerja tiba-tiba diberhentikan kerja. Syarikat muflis kerana krisis ekonomi. Biasanya Kerajaan akan "selamatkan" (*bail-out*) syarikat kroni tetapi tidak membantu pekerja. Pekerja akan buat aduan di Jabatan Tenaga Kerja dan akan menang kes atas kertas dan akan ditawarkan satu jumlah wang tetapi wang itu hanya mimpi, kerana syarikat tidak ada wang untuk membayar faedah berhenti kerja dan lain-lain. Kesan daripada itu, kehidupan keluarga pekerja tersebut akan merosot kerana tiada wang. Mereka tidak dapat membuat bayaran hutang bank untuk rumah, kereta dan lain-lain; mungkin rumah akan dilelong dan sebagainya.

Jika ada satu tabung, dan mereka ini boleh diselamatkan daripada masalah kewangan, maka belunggu ini dapat diatasi untuk jangka masa pendek sehingga pekerja itu mendapat kerja baru dalam masa 6 bulan. Apakah yang teruk sangat dengan Skim ini?

Satu kritikan adalah, mengapa pekerja kena bayar untuk Skim ini padahal yang membuat kesalahan atau tutup kilang adalah majikan tersebut. Manakala Persekutuan Majikan-majikan pula bertanya, mengapa majikan yang berjaya kena bayar untuk majikan yang gagal? Maka mereka melihat ini sebagai sesuatu yang tidak adil. Bagi saya senang sahaja, apa salahnya orang

yang berada, keluarkan duit untuk bantu mereka yang tiada duit?

Bagi PSM, hujah majikan dan beberapa pihak tidaklah salah tetapi suatu pendekatan yang cetek. Saranan PSM bahawa setiap pekerja membayar 50 sen sebulan dan majikan membayar 50 sen sebulan adalah satu jumlah yang amat kecil dan tidak membebankan. Kami juga merasakan kaum pekerja yang membayar 50 sen sebulan ini akan berasa bahawa jika wang itu dapat membantu kaum pekerja yang sekelas dengan mereka yang diberhentikan kerja, apakah salahnya? Saya berpendapat mereka akan rasa gembira dapat membantu seorang pekerja lain. Saya masih ingat, 20 tahun lalu apabila kita mendebatkan isu ini, ada juga cadangan, jika majikan tidak mahu bayar sumbangan, maka pekerja sahaja bayar kepada tabung kerana merasakan adalah amat penting untuk menyelamatkan kaum pekerja. Pihak Kerajaan juga harus menyumbang kepada tabung ini. Maka secara prinsipnya, ia adalah satu pendekatan untuk menyelesaikan satu masalah, tetapi mungkin bukan yang terbaik.

Hari ini saya merasakan kaum majikan membantah hebat dan ada juga beberapa persepsi dari parti pembangkang yang tidak menyokong skim ini kerana ia dibawa oleh Barisan Nasional.

Bagi kami di PSM, yang banyak mengendalikan kes pekerja dan banyak mendapat aduan daripada kaum pekerja, maka Tabung ini amat diperlukan dan relevan. Kami tahu

bahawa mungkin BN nak buat tahun ini kerana nak pancing undi masa PRU, dan begitu juga Pakatan Harapan membantah kerana bimbang ia akan disalahgunakan oleh BN. Pihak majikan juga mahu Skim ini ditunda dan mereka juga akan membuat ugutan untuk memastikan Skim ini tidak dilaksanakan. Jika ini berterusan, maka Skim ini mungkin tidak akan dilaksanakan sekarang dan akan dihantar untuk dikaji semula.

Kami di PSM akan kecewa jika Skim ini ditunda. Ini kerana jika ditunda, ramai pekerja akan menderita. Kami mahu meletakkan kepentingan kebajikan pekerja di hadapan dan bukan kepentingan politik mana-mana pihak.

Keprihatinan beberapa parti politik untuk membantah skim ini pada masa sekarang amat melucukan. PSM telah berjuang untuk tabung ini sekian lama dan begitu juga MTUC. Untuk dua dekad ini, kami tidak nampak, suara-suara pembangkang skim ini pernah membuat sebarang kempen besar-besaran untuk membela kaum pekerja yang diberhentikan pekerja.

PSM telah melakukan kempen roadshow seluruh negara, telah membuat perbincangan meja bulat dengan pihak Kesatuan Sekerja dan mereka yang berpentingan. Kami juga mempunyai satu hotline untuk pekerja yang dibuang kerja. Maka, kami akan mendesak skim dan tabung itu digubal serta-merta. Kepentingan kaum pekerja mengatasi semua kepentingan lain. ##

(sambung dari m/s 6)

8. Isu pengurusan pekerja migran dan perlindungan sosial adalah dua perkara yang berbeza. Kami setuju bahawa polisi buruh murah menindas pekerja migran dan memberikan persaingan kepada pekerja tempatan. Memang perlukan polisi yang komprehensif dalam menangani isu pekerja migran. Tetapi, isu perbincangan kita di sini adalah perlindungan sosial pekerja. Kami juga menyarankan bahawa pekerja migran juga harus diliputi dalam SIP tanpa diskriminasi.

9. Mengikut Menteri Sumber Manusia, Richard Riot, kerajaan sudahpun mengagihkan RM 60 juta dana bagi tabung SIP ini. Selepas pelaksanaan, kemungkinan dana ini boleh dipertimbangkan untuk setiap tahun mengikut keperluan. Buat masa sekarang, ini mencukupi sebagai langkah permulaan.

10. MEF berpandangan bahawa mengapa semua majikan perlu mencarum dalam SIP, kerana hanya segelintir majikan yang tidak pandai mengurus perniagaan dan menyebabkannya bankrap.

Ini adalah satu alasan yang cetek. Jika kita tengok kebelakangan ini, kilang-kilang yang terkemuka dan antarabangsa yang menutup kilang atau perniagaan, seperti Penang Seagate Industries, Rubicon Technology, HGST Technologies Sdn Bhd, Samsung Electronic Display, Fairchild Semiconductor dan banyak lagi syarikat jenama antarabangsa.

Adakah MEF merasakan syarikat-syarikat ini memberhentikan pekerja kerana tidak pandai mengurus bisnes mereka? Fakta sebenar adalah ketidakstabilan ekonomi nasional dan global yang menyebabkan keadaan ini.

PSM juga mencadangkan kepada MEF untuk memberikan latihan dan tunjuk ajar kepada ahli-ahlinya, iaitu majikan-majikan, agar mereka dapat menguruskan perniagaan mereka dengan baik.

Dalam ekonomi kapitalis global

ini, pemberhentian pekerja telah diterima pakai sebagai satu cara utama majikan untuk mengurangkan kos perniagaannya apabila suasana ekonomi yang tidak menggalakkan. Ini adalah satu kemudahan khusus yang diberikan kepada para majikan. Akta Kerja 1955 juga memperuntukkan perkara ini, dengan syarat majikan melakukannya dengan betul. Persefahaman "Kod Tata Laku Keharmonian Industri" (*Code of Conduct for Industrial Harmony*) yang dibuat bersama kesatuan sekerja juga menyenaraikan dengan jelas langkah-langkah yang boleh diikuti oleh majikan untuk mengurangkan kos dan menghentikan pekerja.

Persoalannya adalah, pada masa pihak majikan diberikan segala peluang untuk mengurangkan kos agar menghidupkan semula perniagaannya, apakah jaminan atau sekuriti sosial yang ada pada warga pekerja?

Organisasi Buruh

Antarabangsa (ILO) yang dikatakan satu-satunya organisasi yang menentukan standard undang-undang buruh yang asas, telah mengatakan bahawa skim sebegini perlu diwajibkan untuk melindungi pekerja.

Konvensyen ILO No.102 dan No.168, menyatakan tentang Skim Insurans Pekerjaan dan ia terbukti satu faedah yang efektif untuk melindungi penganggur.

Konvensyen ILO 1952 (No. 102) berkaitan Keselamatan Sosial (Standard Minimum), menyatakan bahawa patutnya ada pemberian manfaat tunai kepada penganggur yang mampu dan bersedia untuk bekerja.

Malaysia yang mahu menuju ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju, harus juga mempunyai aspirasi untuk meningkat standard perburuhannya selaras dengan negara-negara maju.

PSM akan terus berjuang menuju ke arah ini. Kami berharap pihak PH akan memahami isu warga pekerja ini dengan lebih mendalam. ##



Rakyat sambut Hari Pekerja di jalanan KL

Jalanan di Kuala Lumpur telah digegarkan dengan laungan "hidup pekerja" pada 1 Mei lalu. Sepanduk yang membawa mesej tuntutan pekerja dan "Pekerja Sedunia Bersatu" begitu menyerlah di jalanraya sibuk pada Hari Pekerja 1 Mei tahun ini.

Pekerja-pekerja dan rakyat marhaen di seluruh dunia menyambut Hari Pekerja Antarabangsa pada 1 Mei lalu dengan aksi perhimpunan dan perarakan. Sambutan Hari Pekerja bukan sahaja memperingati perjuangan kelas pekerja lampau yang merealisasikan hak pekerja pada hari ini, tetapi juga menjadi satu medan meraikan kuasa pekerja dan terus memperjuangkan hak-hak pekerja serta rakyat marhaen.

Seramai lebih 500 orang telah berhimpun di hadapan ibupejabat KTM pada pagi 1 Mei lalu dan berarak ke Bukit Bintang. Perarakan Hari Pekerja tahun ini disertai oleh masyarakat daripada pelbagai lapisan, termasuk pekerja kilang, pekerja kontrak, pekerja ladang, petani, Orang Asli, peneroka bandar, pelajar dan ramai lagi. Tuntutan utama yang dibawa dalam aksi himpunan Hari Pekerja tahun ini adalah pelaksanaan segera Tabung Henti Kerja. Persembahan dan ucapan daripada wakil-wakil kumpulan yang terlibat telah menaikkan semangat peserta aksi. Aksi berakhir di Bukit Bintang dengan bacaan Deklarasi Mei Satu 2017.

Aksi sambutan Hari Pekerja 2017

yang bertemakan "Hilang Kerja, Pekerja Merana - Tabung Henti Kerja Sekarang" dianjurkan oleh Jawatankuasa Mei Satu yang terdiri daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO), kumpulan masyarakat akar umbi dan parti politik kiri, khususnya Parti Sosialis Malaysia (PSM). Sambutan Hari Pekerja di jalanan anjuran Jawatankuasa Mei Satu telah bermula sejak tahun 1994. Gerakan pekerja dan rakyat marhaen yang memulakan aksi sambutan Hari Pekerja setelah 20 tahun tiadanya aksi sedemikian pada tahun 1994, kemudiannya telah menjadi pemangkin kepada kelahiran PSM, sebuah parti yang memperjuangkan kepentingan kelas pekerja dan rakyat marhaen.

Tanpa perjuangan pekerja yang lalu, kita tidak mungkin menikmati kerja 8 jam sehari, cuti pada hujung minggu dan hak asasi pekerja yang lain. Namun, hak pekerja yang dimenangi perjuangan pekerja yang lalu sentiasa diancam oleh sistem kapitalis yang bermotifkan pemaksimuman keuntungan. Oleh itu, perjuangan pekerja perlu diteruskan dan gerakan pekerja perlu diperhebatkan lagi.

Selagi ada penindasan, sudah pasti adanya perjuangan. Namun, hanya dengan kuasa rakyat yang terbina daripada organisasi pekerja dan rakyat marhaen dari bawah, barulah kita mampu melawan secara efektif segala bentuk penindasan dan membawa kepada perubahan sosial yang membebaskan diri rakyat tertindas. ##

DEKLARASI 1 MEI 2017

HILANG KERJA, PEKERJA MERANA

TABUNG HENTI KERJA SEKARANG!

- Sempena Hari Pekerja 1 Mei 2017 yang menjadi lambang kebangkitan kaum pekerja menentang penindasan, Pekerja Malaysia menuntut:
- Laksanakan TABUNG PEMBERHENTIAN PEKERJA** (Skim Insurans Pekerjaan) dengan sertamerta - Tabung ini digunakan untuk membayar pekerja sejumlah wang apabila majikan muflis dan gagal membayar pampasan. Bayaran ini akan dibuat mengikut Faedah Renti Kerja yang termaktub dalam Akta Kerja 1955.
 - Meningkatkan **GAJI MINIMUM KE RM 1500 DAN MELAKSANAKAN COLA** (Elaun Kos Sara Hidup) untuk menghadapi kenaikan kos hidup.
 - BATALKAN CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)** yang menindas dan memiskinkan rakyat.
 - PILIHANRAYA YANG BEBAS DAN ADIL** – Suruhanjaya Pilihanraya mesti bertindak secara bebas, adil dan saksama. Proses persempadanan semula yang merupakan “gerrymandering” dan tidak adil mesti dihentikan segera.
 - HAK KESATUAN SEKERJA** – Hormati semangat keharmonian industri dengan memperkasakan kesatuan sekerja. Pihak majikan harus hentikan aktiviti menghancurkan kesatuan sekerja di negara ini.
 - HAK PEKERJA WANITA** – Hentikan segala bentuk diskriminasi

- dan gangguan terhadap wanita di tempat kerja. Kuatkuasakan Konvensyen berkaitan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) dan gubal Akta Gangguan Seksual yang komprehensif.
- HAK PEKERJA MIGRAN** – Pekerja migran harus diberikan hak yang saksama dan perlindungan yang mencukupi. Hentikan eksploitasi – keadaan kerja yang tidak selamat, waktu kerja yang panjang, tiada latihan kemahiran, hak kesihatan tidak terjamin serta tiada perwakilan kesatuan sekerja.
 - HENTIKAN PENSWASTAAN PERKHIDMATAN ASAS** - Air, elektrik, kesihatan, pengangkutan awam, pendidikan tidak harus diswastakan demi keuntungan. Ianya satu perkhidmatan asas yang harus disediakan oleh Kerajaan untuk rakyatnya.
 - KEBEBASAN MEDIA** – Media utama dan alternatif harus diberi kebebasan untuk memberi maklumat sebenar kepada rakyat. Maka, Akta Penerbitan dan Mesin Cetak yang menyekat kebebasan ini harus dimansuhkan. Pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia yang menyekat kebebasan rakyat bersuara harus dibatalkan.
 - KAWAL HARGA BARANG** - Kawal kenaikan harga barang dan perkhidmatan, termasuk harga minyak, dan berikan semula subsidi kepada rakyat.
 - HAK PELAJAR** – Mansuhkan AUKU, Akta 174, PTPTN,

- dan semua akta yang mengongkong kebebasan akademik mahasiswa. Berikan pendidikan percuma kepada semua pelajar, kanak-kanak migran dan pelarian.
- HAK ORANG ASAL/ASLI** - Iktiraf Hak Tanah Adat Orang Asal di Malaysia dan berikan hak milik kekal serta kukuhkan status tanah Rizab Orang Asal/Asli di Malaysia (Semenanjung, Sabah dan Sarawak). Rancangan pembangunan tanah Orang Asal hendaklah berasaskan kehendak, keperluan dan aspirasi Orang Asal/Asli.
 - ALAM SEKITAR** – Hentikan projek yang memudaratkan kesihatan rakyat Malaysia seperti perlombongan bauksit, Lynas, insinerator, loji nuklear dan lain-lain. Gunakan tenaga alternatif yang bersih dan murah.
 - PERUMAHAN SELESA** – Hentikan pengusiran paksa terhadap masyarakat marhaen, termasuk peneroka bandar, orang asal dan pekerja ladang. Skim Perumahan Rakyat pada harga yang mampu dibeli, lokasi strategik dan selesai harus dilaksanakan.
 - HAK BERTANI DAN JAMINAN MAKANAN** – Iktiraf dan berikan geran tanah kepada golongan petani yang telah lama bertani dan membekalkan hasil pertanian untuk kegunaan tempatan.
 - MANSUHKAN AKTA POCA, POTA, SOSMA DAN AKTA HASUTAN** serta segala undang-undang yang menindas rakyat.
 - HAK BEKERJA ORANG**

- KURANG UPAYA (OKU) HARUS DIJAMIN.** Skim pekerjaan yang memberi peluang pekerjaan untuk OKU harus dilaksanakan.
- LAKSANAKAN JAMINAN PERLINDUNGAN SEKURITI SOSIAL** untuk semua termasuk Skim Pencen dan kemudahan untuk golongan warga emas.
 - HENTIKAN DISKRIMINASI BERASASKAN GENDER DAN ORIENTASI SEKSUAL.** Mansuhkan undang-undang, polisi dan tindakan yang mengakibatkan diskriminasi sedemikian. Gubal Akta Kesamarataan Gender.
 - HAK KANAK-KANAK.** Melindungi dan menunaikan hak kanak-kanak mengikut Konvensyen Hak Kanak-Kanak.
 - HAK PELARIAN DAN PEMOHON SUAKA.** Ratifikasi Konvensyen Pelarian 1951 dan iktiraf hak pelarian dan pemohon suaka.
 - HAK SAMARATA UNTUK SEMUA,** tidak kira agama, kaum, jantina, gender, kewarganegaraan dan seksualiti.
- Deklarasi ini disokong oleh 113 organisasi, termasuklah Parti Sosialis Malaysia (PSM), Parti Amanah Negara (AMANAH), Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Kesatuan Mahasiswa Malaysia, Jaringan Kampung Orang Asli Semenanjung Malaysia (JKOASM), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Tenaganita, Buku Jalanan dan sebagainya. ##

Apa itu Tabung Henti Kerja?

Tabung Henti Kerja atau Tabung Pemberhentian Kerja, adalah satu perlindungan bagi pekerja seperti PERKESO dan KWSP. Tujuan utama Tabung Henti Kerja ini adalah untuk melindungi pekerja apabila berlaku kehilangan kerja secara tiba-tiba akibat syarikat bankrap, syarikat tutup sebahagian ataupun syarikat berpindah ke negara lain.

Kenapa Tabung Henti Kerja penting pada masa sekarang?

Mengikut statistik kerajaan, pada tahun 2015, seramai 44,343 pekerja diberhentikan kerja akibat majikan bankrap, pengurangan kerja atau berpindah ke tempat lain. Satu pertiga daripada jumlah pekerja ini diberhentikan tanpa diberi faedah rentikerja ataupun pampasan. Jumlah pampasan yang tidak bayar mencecah jumlah RM397.45 juta.

Pada November 2016, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Ismail

Abd Muttalib berkata di Dewan Rakyat bahawa lebih 31 ribu pekerja telah hilang kerja dari Januari hingga September 2016. Selepas sebulan, pada akhir bulan Disember 2016, kita dikejutkan pula dengan pengumuman Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) bahawa lebih 50 ribu pekerja dijangka akan hilang kerja pada tahun 2017 kerana keadaan ekonomi yang lembab.

Apabila seseorang pekerja tiba-tiba hilang kerja, hilang pendapatan bulanan, tambahan pula tidak mendapat sebarang pampasan, apa akan jadi pada ekonomi hariannya? Adakah senang untuk mendapat kerja yang sesuai dalam tempoh masa singkat? Katakan seseorang yang hilang kerja mengambil masa sekurang-kurangnya 6 bulan untuk



mencari kerja lain, bagaimana pula dengan sumber kewangan untuk 6 bulan ini?

Maka, keadaan ini yang mendesak kita menuntut supaya Tabung Henti Kerja dilaksanakan sekarang.

Adakah Tabung Henti Kerja suatu undang-undang yang baru di dunia?

Tidak. Skim ini mula-mula diperkenalkan di Kota Basel, Switzerland pada tahun 1789. Tetapi, ia hanya bertahan untuk beberapa tahun sahaja. Pada tahun 1824, Kesatuan Sekerja di England yang bernama Persatuan Penghijrah Pekerja Enjin Stim (*Journeyman Steam Engine Workers Society*) mengedarkan faedah henti kerja kepada ahli-ahlinya yang menganggur. Pada tahun 1846, Kesatuan Pencetak di Brussels mewujudkan faedah pemberhentian kerja untuk ahli-ahlinya.

Selepas itu, di Berne, Switzerland, telah menjadi kota pertama mengusahakan rancangan Skim Insurans Pekerjaan pada tahun 1893. Ini

diikuti oleh Bologna, Itali, pada 1896 dan Leipzig di Jerman pada tahun 1903. Namun, rancangan ini tidak lama bertahan kerana tiada satu sistem undang-undang berjangkamasa panjang.

Selepas itu, kerajaan pertama yang meluluskan undang-undang yang memperuntukkan subsidi kepada dana pengangguran adalah Perancis pada tahun 1905. Britain menubuhkan skim pengangguran kebangsaan wajib pada tahun 1911, dan ia digunakan dalam enam industri di negara tersebut. Ia memberi perlindungan kepada kira-kira 2,500,000 orang pekerja. Berikutan ini, 7 negara Eropah menjadikan skim ini wajib di seluruh negara mereka.

Kebanyakan negara maju di Eropah dan Amerika Utara mula melaksanakan sistem perlindungan pengangguran dengan sumbangan atau bukan penyumbang pada awal hingga pertengahan abad ke-20.

Sejarah telah membuktikan bahawa hanya undang-undang negara dapat memberikan perlindungan pengangguran yang mampan untuk pekerja. Ia harus menjadi skim yang wajib, diperkenalkan dan dikuatkuasakan oleh kerajaan yang bertanggungjawab dan mengambil berat tentang rakyatnya. ##

oleh Nik Aziz Afiq

“Himpunan 1 Mei hambar.”

Itulah tajuk yang dipilih portal berita Malaysiakini berbanding beberapa portal lain yang memfokuskan kepada tuntutan himpunan tersebut sebagai tajuk utama. (Pautan untuk berita Malaysiakini berkenaan Himpunan 1 Mei: <https://www.malaysiakini.com/news/380842>)

Katanya kerana himpunan ini kurang orang berbanding tahun lalu. Maka jika kawan-kawan lihat tampil lah pelbagai jenis manusia saling berkomentar di ruangan komen portal tersebut. Majoriti menghentam atau bernada sinis pada PSM yang dikatakan sebagai penganjur oleh Malaysiakini walaupun terang bersuluh semua hebahan menyatakan ia dianjurkan oleh Jawatankuasa Mei Satu yang dianggotai pelbagai NGO, pergerakan dan pertubuhan lain.

Saya tidak berminat untuk melawan pemberitaan Malaysiakini. Malah kebebasan media merupakan salah satu tuntutan himpunan kali ini. Saya percaya media berhak melaporkan apa yang mereka lihat di tempat kejadian tanpa perlu menjaga hati sesiapa. Sekalipun setiap media, saya ulang, setiap media mempunyai propaganda tertentu dalam laporan itu tidak boleh menjadi sebab untuk kita bersikap defensif. Saya raikan dan selaku salah seorang peserta yang juga sukarelawan menjaga lalulintas, saya kira ia sebuah kritikan yang perlu diterima dengan hati terbuka.

Cuma kawan-kawan saya yang tidak hadir bertanya betul kah hambar?

Maka saya suka untuk berkongsi beberapa perkara yang saya lihat ketika himpunan ini.

Kisah 1: Barisan paling akhir perarakan

Himpunan 1 Mei hambar?

Dalam setiap himpunan atau protes yang disertai PSM, biasanya saya akan ditempatkan untuk mengawal lalu lintas di barisan hadapan. Akibat kecederaan kaki yang belum pulih sepenuhnya, saya meminta untuk ditempatkan di barisan paling belakang kali ini atas alasan mahu berjalan lebih lambat. Apa yang mengejutkan adalah begitu ramai peserta-peserta yang senasib dengan saya - orang yang susah bergerak - berada di barisan belakang.

Saya tidak tangkap sebarang foto (alangkah ruginya), namun kalaulah saya boleh tunjukkan bagaimana seorang berpangkat atuk tua tempang menjadi orang terakhir dalam perarakan ini. Oleh kerana saya menjaga barisan belakang, maka saya lihat kesukaran yang dialami beliau. Kerap kali beliau terhenti dan jelas memaparkan riak kesakitan di wajah, namun tetap teruskan melangkah. Berkali-kali saya dan kawan-kawan mengajak beliau untuk berhenti di bahu jalan berehat seketika atau masuk ke dalam van pengiring di belakang, namun beliau tolak. Sekitar 1 kilometer baki perjalanan, kami lihat beliau semakin lemah. Kami mengajak beliau dan kumpulan ibubapa yang mendukung anak untuk memasuki sebuah jalan pintas, di mana jalan itu lebih pendek dan terus sampai ke lokasi.

Mereka tolak. Mereka mahu teruskan perjalanan.

Kisah 2: Van pengiring

Van pengiring merupakan kenderaan terakhir dalam perarakan ini. Tugasnya mengangkut air mineral dan roti krim yang disumbangkan untuk diagihkan buat mereka yang

memerlukan. Van ini dimiliki oleh ibupejabat PSM. Keunikan van terpakai ini adalah ia van yang agak lama dan uzur. Bunyinya agak ganas sedikit, dan jujur kata secara peribadi saya rasa ia bukan van yang layak untuk menjadi pengiring. Cuma kami tidak punyai banyak pilihan. Namun, seperti mana kumpulan yang berada di barisan belakang, van ini sebolehnya gagahkan diri mengikuti sekaligus melindungi kami daripada deruan kenderaan awam lain di belakang.

Sebaik sampai ke lokasi terakhir, sekumpulan demonstran keluar dari van ini. Tercengang saya. Rupanya ramai juga demonstran yang keletihan dan kesakitan dibawa van ini. Saling berhimpit dengan roti dan air mineral. Habis himpunan, van inilah juga yang mengangkut sampah untuk dibuang.

Kenapa saya kongsi dua kisah ini? Apa pula perkaitan dengan topik hambar tadi?

Sebenarnya himpunan ini mempunyai persamaan dengan atuk tua tempang dan van pengiring uzur tadi. Di mata Malaysiakini, himpunan ini hambar. Di mata saya, atuk itu tua dan tempang, serta van itu buruk dan uzur. Di mata saya dan Malaysiakini, boleh sahaja kami mencari pelbagai ruang untuk menunjukkan kelemahan, namun himpunan anjuran Jawatankuasa Mei Satu ini tetap berlangsung dan bergerak dari tahun 1994 hingga kini - lebih awal daripada penubuhan Malaysiakini sendiri. Sebuah himpunan tahunan jalanan paling lama disambut oleh masyarakat tertindas, mengatasi BERSIH dan lain-lain.

Walau tua dan tempang bagaimanapun, atuk itu di mata saya

ia tidak menghalang beliau menghabiskan perarakan hingga ke tempat penamat. Walau buruk dan uzurnya van pengiring itu sehingga saya merasakan ia tidak layak, namun ia tetap menjalankan tugas sebaiknya dari awal hingga akhir.

Jika hambar itu dilihat dari sudut kurangnya peserta, tiada ucapan berapi pimpinan politikus, tiada bendera parti politik berkibar, ya himpunan ini hambar.

Samalah jika hambar itu dilihat dari sudut usia tua, tempang, buruk dan uzur, maka ya atuk itu juga hambar, van itu juga hambar.

Namun yang “hambar” ini di mata orang, boleh jadi yang paling bersemangat menanggung derita dalam berjuang. Yang “hambar” inilah yang sudi dan sedia mengorbankan masa senang dari berehat bersama keluarga terutama dengan cuti bersambung tiga hari. Yang “hambar” inilah yang terpekik terlolong di tengah terik mentari dalam kesibukan kota untuk mengangkat suara majoriti yang ditindas kelompok minoriti.

Biarlah pada mata Malaysiakini himpunan ini hambar, biarlah di mata saya atuk dan van itu hambar. Namun ia tidak menggugat walau seinci untuk himpunan, atuk dan van melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Teruslah bergerak wahai van walau semakin uzur. Teruslah berjalan wahai atuk walau semakin tua. Teruslah berhimpun wahai himpunan pekerja walau semakin hambar.

Uzur, tua dan hambar, adalah alasan kerdil untuk menghalang kita daripada terus bersemangat berjuang! ##

1654 orang mati dalam tahanan

Selamatkah lagi tempat tahanan?

Semasa sidang Parlimen pada bulan Mac yang lalu, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Zahid Hamidi, menyatakan bahawa dari tahun 2010 hingga Februari 2017, terdapat sebanyak 1654 kes kematian dalam tahanan. Walaupun beliau tidak menyebut di mana kematian ini berlaku, adalah dipercayai bahawa kematian ini berlaku semasa tahanan polis, penjara dan imigresen.

Mengikut laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), sebanyak 521 kematian berlaku di dalam penjara dalam tempoh masa 2 tahun sahaja, iaitu pada tahun 2015 dan 2016. Manakala kematian dalam depoh Imigresen pula adalah 117 bagi tempoh yang sama. Jumlah kematian dalam tahanan polis adalah 284 dari tahun 2000 hingga 2016, iaitu purata 16 kematian setiap tahun. Bagi tahun 2017, sebanyak 4 kematian dalam tahanan polis dilaporkan dari bulan Januari hingga April.

Persoalannya, mengapakah jumlah kematian begitu tinggi di tempat-tempat tahanan di Malaysia? Tempat sebegini dianggap selamat kerana ia berada di bawah pemantauan pihak berkuasa yang sepatutnya melindungi nyawa dan hak rakyat. Namun, dari segi realitinya, tempat seperti ini agak tidak selamat.

Menurut laporan SUHAKAM dan laporan media, faktor kesihatan dikatakan sebagai punca utama kematian berlaku. Di lokap polis dan depoh imigresen, tiada pegawai perubatan ditempatkan di situ. Oleh itu, tahanan yang memerlukan rawatan perlu dibawa ke pusat kesihatan atau hospital yang berhampiran. Dari segi praktikalnya, tidak semua tahanan diberi rawatan dengan segera disebabkan kekangan yang dihadapi oleh badan-badan



kerajaan ini. Namun di penjara, walaupun pegawai kesihatan ditempatkan, jumlah kematian masih tinggi. Jadi, menangani masalah kesihatan adalah penting, tetapi tidak cukup untuk mengurangkan kadar kematian.

Satu lagi faktor kematian utama adalah layanan yang diberikan kepada mereka yang ditahan. Di Malaysia, pada kebanyakan masa, pihak polis hanya menjalankan siasatan selepas tangkapan dibuat. Amalan di negara lain seperti United Kingdom, kebanyakan tangkapan dibuat selepas siasatan dijalankan. Jadi, apabila siasatan dijalankan selepas tangkapan, pihak polis memerlukan masa dan orang yang ditangkap itu akan direman dan ditahan di lokap. Semasa tahanan ini, pihak polis cuba mendapatkan keterangan daripada saspek yang ditahan dan kita biasa mendengar kekerasan digunakan oleh polis. Walaupun pihak polis menafikan bahawa mereka menggunakan kekerasan, terdapat beberapa kes yang telah dibuktikan di mahkamah atau agensi seperti Suruhan Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) dan SUHAKAM, bahawa kekerasan adalah faktor punca kematian. Antara kes tersebut adalah:

- 1. Chandran Perumal – Mahkamah Koroner Kuala Lumpur

pada 16 Januari 2015 mendapati kematian berlaku kerana kegagalan pihak polis memberi rawatan dan terdapat kecederaan di kepala saspek akibat trauma fizikal.

- 2. P. Karuna Nithi – Mahkamah Koroner Seremban pada 28 Januari 2015 mendapati saspek mati akibat dipukul

oleh anggota polis dan orang kena tahanan (OKT) yang lain. Terdapat 49 jenis kecederaan pada badan si mati.

- 3. C. Sugumar – Mahkamah Koroner Shah Alam pada 6 Mac 2015 mendapati kecuai polis yang tidak memberi rawatan perubatan dan tindakan polis yang berdiri atas saspek, menaburkan serbuk kari, menggunakan dua gari, adalah tindakan yang ganas dan luar biasa.
- 4. Syed Azlan Syed Mohamed Nur – Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) pada 30 Oktober 2015, mengumumkan bahawa kematian saspek disebabkan trauma hentakan barang tumpul ke atas dada si mati. Terdapat 61 jenis kecederaan di bahagian muka, badan dan kedua-dua kaki.

- 5. N Dharmendran - Pada 18 April 2016, pihak SIAP mengumumkan bahawa saspek mati kerana diseksa dan kekerasan digunakan. Terdapat dawai kokot (stapler) di telinga si mati. Selain itu, laporan post-mortem juga mendapati kesan tumbukan, hentakan ke dinding dan pukulan dari belakang.

- 6. S. Balamurugan – Pada 29 Mac 2017, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengumumkan bahawa si mati telah dipukul di bahagian telinga, kaki serta ditumbuk dan ditendang di dada. Si mati tidak dibawa ke hospital

walaupun majistret mengarahkan saspek dibawa ke hospital dengan segera. Manakala dua lagi saspek yang ditahan bersama S. Balamurugan telah diseksa dengan menggunakan serbuk cili yang diteloh dicampurkan thinner dan disapu di seluruh badan mereka sambil dipukul.

Kes-kes di atas membuktikan bahawa penggunaan kekerasan dan penyeksaan masih berlaku dan menyumbang kepada kematian. Mereka yang ditahan adalah tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah oleh mahkamah. Pihak polis hanya perlu menjalankan siasatan dan bukannya menghukum mereka yang ditahan. Hak untuk nyawa dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan dan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Tiada siapa pun boleh merampas nyawa kita dengan sewenang-wenangnya.

Begitu juga di penjara dan depoh imigresen. Banduan yang ditahan di penjara sudah pun dijatuhkan hukuman oleh mahkamah. Di penjara, mereka menjalani proses pemulihan supaya boleh kembali ke pangkuan masyarakat apabila dibebaskan. Mereka yang ditahan di depoh imigresen adalah orang-orang yang ditahan kerana melanggar undang-undang imigresen negara, iaitu masuk atau berada di Malaysia tanpa dokumen yang sah. Mereka bukannya penjenayah. Adalah tidak adil mereka mati di penjara dan depoh imigresen.

Oleh yang demikian, sistem penguatkuasaan, penyiasatan dan pemulihan dalam negara ini perlu dirombak semula. Nilai kemanusiaan perlu disuntik dalam sistem ini. Orang-orang yang ditahan perlu dilayan dengan berperikemanusiaan dan maruah diri mereka haruslah dijaga dan dijamin. Tempat-tempat tahanan harus mematuhi standard minimum antarabangsa yang ditetapkan. Alasan kekangan bajet tidak boleh terus digunakan kerana perkara ini melibatkan nyawa manusia. Peruntukan khas hendaklah diberikan untuk tujuan ini. Kematian di tempat tahanan harus dihentikan sama sekali. ##

(Berikut adalah ucapan Dr. Jeyakumar Devaraj semasa membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri dalam Dewan Rakyat pada 5 April lalu.)

Apabila kita kaji situasi di Malaysia, adanya 14 juta orang dalam tenaga kerja kita. 6.5 juta adalah pekerja di sektor swasta yang sedang dilindungi oleh PERKESO, dan 1.5 juta lagi adalah kakitangan kerajaan. 8 juta orang pekerja ini dilindungi jika mereka kena kemalangan ataupun jatuh sakit. Yang bakinya adalah 6 juta orang – mungkin 3 juta adalah orang profesional dan peniaga sederhana besar yang berkemampuan membeli insurans swasta. 3 juta ini mempunyai perlindungan. Tetapi ada lagi 3 juta orang yang bekerja sendiri – pekebun kecil, pesawah padi, peniaga kecil, pekerja kontrak, nelayan – yang berpendapatan rendah, dan pada takat ini tiada sebarang perlindungan jika mereka jatuh sakit ataupun terlibat dalam kemalangan. Pada takat ini, 3 juta orang ini terpaksa bergantung pada ahli keluarga mereka dan biasanya keluarga mereka juga berpendapatan rendah.

RUU Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri

Oleh itu, saya amat mengalu-alukan inisiatif kerajaan dalam membentangkan RUU ini. Syabas pada Kementerian Sumber Manusia. Saya harap apabila tabung ini besar sedikit, golongan lain yang bekerja bersendirian juga akan diberi perlindungan ini.

Namun, saya tidak setuju dengan Seksyen 11(4) yang mengatakan sesiapa pemandu yang tidak mencarum pada skim ini akan dikenakan denda sebanyak RM10,000 ribu ataupun penjara sampai 2 tahun. Adakah ini perlu? Mengapakah kita mahu memaksa orang menerima bantuan yang kita hulurkan? Saya rasa kita boleh terima syor Pasir Gudang bahawa kaedah KWSP diikuti, di mana orang yang bekerja sendiri boleh mencarum kepada KWSP jika dia mahu, tanpa sebarang paksaan.

Saya ingin tanya, apakah sebab kita mahu memakai ejen swasta untuk mengutip caruman seperti diperuntukkan dalam Seksyen 12(1)? Dalam arena insurans, kita kadang kala berjumpa kes-kes di mana ejen

insurans tidak membayar wang yang dikutip daripada klien kepada syarikat insurans. Oleh itu, klien yang terlibat hilang perlindungan kerana dalam rekod syarikat insurans, dia sudah gagal membayar. Apakah caranya PERKESO ingin mengelak daripada kemungkinan ini?

Seksyen 39(1) RUU Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 menyatakan bahawa “penilai-penilai perubatan” akan diberi tugas menentukan keseriusan kecederaan yang telah dialami oleh pemandu dan kadar kecacatan kekalnya. Mengapa kita perlu memakai doktor swasta untuk tugas ini? Ini amat berbeza dengan kaedah yang dipakai oleh PERKESO sehingga sekarang, di mana sebuah Jemaah Doktor ditubuhkan dan terdiri daripada doktor-doktor pakar di Hospital Kerajaan. Saya ada keraguan tentang ini, Menteri. Saya khuatir PERKESO akan gugurkan doktor-doktor yang dianggap sebagai terlalu simpati pada pemandu dalam menentukan kadar ganti rugi.

PERKESO juga mesti memastikan

penilai perubatan memahami peranan mereka. Dalam sistem yang sedia ada, kadang kala Jemaah Doktor (JD) tidak sedar bahawa bayaran pampasan Hilang Upaya Sementara akan dihentikan pada takat Jemaah Doktor menetapkan peratusan Kehilangan Upaya Kekal (HUK). Apa yang harus dilakukan oleh JD adalah untuk menagguhkan penentuan kadar HUK sehingga rawatan dan pemulihan telah diselesaikan. Saya harap Menteri akan mengambil langkah untuk menangani kelemahan ini.

Pada takat ini, Akta ini hanya memperuntukkan untuk kecederaan yang berpunca daripada kemalangan. Belum lagi ada kemudahan pencen ilat seperti yang dibayar di bawah PERKESO sekarang. Saya harap apabila tabung ini membesar, faedah-faedah lain seperti pencen ilat dan pencen penakat boleh diperkenalkan dan golongan kerja sendiri yang lain boleh juga dilindungi oleh skim ini. Saya sokong Rang Undang-Undang ini. ##

Sistem pendidikan dan gangsterisme

oleh KS Bawani

Berita penahanan 18 pelajar sekolah di Klang yang menjadi viral baru-baru ini mengembalikan perhatian semua pihak terhadap isu pelajar sekolah terlibat dalam gangsterisme. Ini bukanlah perkara baru dan penglibatan pelajar sekolah dalam geng-geng kongsi gelap sudah kian lama bertapak di dalam dan luar sekolah, tetapi hanya menjadi isu kepada kita apabila kejadian sebegini berlaku.

Semua pihak sentiasa menuding jari kepada pihak yang lain untuk menutup kelemahan masing-masing. Akhirnya kesemua kesalahan ini akan ditujukan terus kepada pihak ibu bapa, kononnya ibu bapa telah gagal membimbing anak-anak mereka dengan baik. Tidak dinafikan, setiap ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang sepatutnya dalam memimpin anak-anak mereka menjadi seorang insan yang berguna untuk keluarga dan negara.

Namun, hakikatnya kaum pelajar meluankan hampir 6-8 jam di sekolah setiap hari kecuali hari Sabtu dan Ahad. Ini tidak termasuk jika mereka menghadiri kelas tambahan atau aktiviti kokurikulum pada hari Sabtu. Ini menunjukkan bahawa sepanjang usia persekolahan, hubungan antara pelajar dan sekolah tidak dapat dipisahkan. Pernyataan ini bukan untuk menuding jari kepada pihak sekolah semata-mata, tetapi membangkitkan persoalan sama ada sistem pendidikan negara menjadi salah satu faktor penglibatan pelajar dalam aktiviti di luar sekolah seperti gengsterisme?

Sistem pendidikan di negara kita terlalu “berorientasikan peperiksaan” (*exam-oriented*), iaitu penilaian prestasi pelajar dibuat berdasarkan penghafalan dan peperiksaan. Contoh yang sangat mudah, seorang kanak-kanak berumur 5 tahun yang menuntut di tadika atau prasekolah dibekalkan 10-16 naskah buku latihan. Setiap hari diberi 5-10 latihan untuk dibuat di rumah sebelum hari keesokan. Ini adalah perkara benar dan rungutan ibu bapa yang

mempunyai anak-anak baru melangkah ke alam prasekolah. Apakah jenis sistem pendidikan yang diamalkan di negara kita? Kenapa kanak-kanak yang seharusnya bermain dan berinteraksi dalam usia awalan ditekankan dengan satu sistem pendidikan yang menjadikan mereka sebagai robot?

Negara Finland, sebuah negara yang mempunyai sistem pendidikan yang boleh dikatakan terbaik di dunia. Bayangkan sebuah negara di mana kanak-kanak hanyalah perlu bermain sehingga mereka mencapai tahap untuk mendapatkan pendidikan wajib, iaitu pada usia tujuh tahun. Kemudian, tanpa pengecualian, mereka menghadiri sekolah komprehensif, iaitu pendidikan tidak berdasarkan peperiksaan dan pencapaian akedamik, sehingga umur 16. Pelajar pada usia 16 tahun boleh memilih untuk meneruskan pendidikan mereka sama ada berdasarkan prestasi akademik (*lukio*) atau trek vokasional (*ammattikoulu*), kedua-duanya biasanya mengambil masa tiga tahun dan memberikan kelayakan untuk meneruskan pengajian tinggi yang dibahagikan kepada universiti dan politeknik.

Mengenakan yuran sekolah adalah satu kesalahan dan haram di Finland. Maka negara Finland menawarkan pendidikan percuma dari tadika hingga universiti berserta makanan percuma untuk semua pelajar. Selain itu, Finland juga menyediakan pengangkutan percuma untuk pelajar-pelajar dari kawasan pedalaman. Di Finland, pelajar-pelajar dikumpulkan mengikut kumpulan berdasarkan keupayaan mereka dan bukan berdasarkan kepandaian akademik. Tiada pemeriksa (*inspector*), tiada peperiksaan sehingga umur 18 tahun, tiada jadual sekolah, tiada industri tuisyen swasta, tiada pakaian seragam sekolah. Kanak-kanak memanggil guru dengan nama pertama mereka. Pelajar berusia 15 tahun diberi kerja rumah tidak lebih daripada 30 minit per malam.



Apabila melihat sistem pendidikan begini, ramai akan bertanya-tanya, kalau tak baca buku, tak buat peperiksaan, macam mana pelajar nak pandai? Kadar literasi, iaitu keupayaan membaca, menulis dan memahami sesuatu di Finland adalah 100%, berbanding dengan 94.6% di Malaysia yang mana lebih rendah daripada negara jiran kita Thailand yang mencecah 96.7%. Daripada contoh di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat satu masalah yang besar dalam sistem pendidikan di negara kita. Bermula dari tadika, sama ada umur 5 atau 6 tahun, hinggalah 17 tahun (SPM) atau 19 tahun (STPM/Matrikulasi/A Level), pelajar dipenjarakan dengan satu sistem pendidikan yang berorientasikan akademik dan peperiksaan.

Setiap manusia mempunyai kelebihan, keistimewaan dan minat yang berbeza-beza. Begitu juga pelajar. Pelajar yang mempunyai minat dalam pembelajaran akan belajar rajin-rajin dan skor markah yang tinggi. Pelajar yang tiada minat dalam pembelajaran akan terpinggir dan dikategorikan sebagai pelajar tidak pandai atau bodoh. Inilah sistem pendidikan yang diagung-agungkan oleh kerajaan dan mengatakan bahawa sistem pelajaran di Malaysia masih terbaik. Malangnya, kita terlepas pandang bahawa sistem pendidikan ini melahirkan pelajar-pelajar sebagai robot untuk pasaran selepas tamat pengajian mereka. Benar ungkapan sekolah bagai penjara, universiti bagai kilang dan pelajar-pelajar produk pasaran kelak.

Apakah kaitan sistem pendidikan dengan gangsterisme di kalangan pelajar? Majoriti pelajar yang terlibat dalam gangsterisme adalah golongan yang terpinggir dan dikategorikan sebagai golongan pelajar tidak pandai. Memandangkan sistem pendidikan ini yang lebih minat dan memberi perhatian lebih kepada pelajar-pelajar pandai, pelajar-pelajar yang kurang pandai ini mencari dan cuba untuk mendekati aktiviti atau kumpulan-kumpulan yang memberi perhatian dan penghormatan untuk mereka. Di situlah bermulanya penglibatan pelajar-pelajar kurang pandai ini dalam aktiviti gangsterisme dan kongsi gelap, di mana di situ mereka tiada tekanan untuk belajar, malah lebih kepada aktiviti berfizikal yang menggembirakan mereka.

Sekiranya dari awal persekolahan, pelajar-pelajar yang kurang berminat dengan akademik didedahkan dengan aktiviti sukan, teknikal dan

vokasional, sudah tentu pelajar-pelajar ini juga mampu menjadi pelajar cemerlang dalam bidang yang diminati mereka. Di Malaysia, pelajar di sekolah kerajaan tiada pilihan untuk memilih bidang (teknikal atau vokasional) yang diminati mereka kerana semua dinilai dan diukur berdasarkan prestasi akademik. Pentadbiran sekolah, guru-guru, pelajar-pelajar dan semua pihak kejar-mengejar untuk menjadi juara. Tekanan daripada pelbagai penjurong untuk menjadi sekolah cemerlang, pelajar cemerlang, guru cemerlang hingga melupakan matlamat utama pendidikan dan kewujudan sekolah.

Di Malaysia, jumlah Sekolah Menengah Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik adalah sebanyak 91 buah. Jumlah sekolah ini adalah sangat rendah berbanding dengan 5.07 juta pelajar sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Pelajar harus dibimbing dan dibangunkan dalam bidang-bidang yang mereka mempunyai bakat dan minat. Melalui sistem pendidikan yang pelbagai dan bukan berdasarkan prestasi akademik dan peperiksaan semata-mata, baru kita mampu melahirkan pelajar-pelajar yang berkaliber, berbakat dan berkebolehpayaan. Sistem pendidikan yang berpelbagai ini mampu mendorong pelajar-pelajar dari peringkat awal lagi untuk mengenali diri dan bakat mereka. Pelajar yang mempunyai kesedaran diri dari peringkat awal akan mengelakkan diri mereka daripada terlibat dalam aktiviti yang tidak berfaedah seperti gangsterisme.

Majoriti pelajar yang terjebak dalam gangsterisme adalah kerana di situ mereka mendapat kebanggaan dan pengiktirafan yang tidak diperolehi di sekolah masing-masing. Seperti kata peribahasa, melentur buluh biarlah dari rebungunya, begitu juga jika pelajar-pelajar ini dididik mengikut bakat dan minat mereka dari awalnya, sudah pasti mereka mampu memilih jalan hidup yang lebih baik dan berguna untuk diri dan negara. Dengan ini, saya menekankan sekali lagi hujah saya bahawa sistem pendidikan sekolah yang lemah adalah salah satu faktor gangsterisme di kalangan pelajar sekolah. Oleh itu, kerajaan harus mengambil serius tentang perkara ini dan mengambil langkah-langkah untuk memperkenalkan sistem pendidikan yang berpelbagai dan dinamik. Sudah tiba masa untuk tranformasi sistem pendidikan negara demi masa depan rakyat Malaysia. ##



Sistem pendidikan sekolah yang lemah salah satu faktor gangsterisme di kalangan pelajar sekolah!

Menuju Piagam Rakyat terhadap Perdagangan Antarabangsa

oleh Jeyakumar Devaraj

Parti Sosialis Malaysia (PSM) merupakan sebahagian daripada jaringan kumpulan masyarakat yang membantah beberapa perjanjian perdagangan yang dirundingkan oleh Kerajaan Malaysia. PSM telah memobilisasi dalam menentang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat pada tahun 2005-2006, kemudiannya terlibat dalam kempen membantah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik pada tahun 2014-2016. Sekarang PSM adalah sebahagian daripada kumpulan yang merespon secara kritikal terhadap cadangan yang dibawa dalam Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

Adanya orang mungkin akan tertanya-tanya, kenapa PSM begitu tegas dalam membantah perjanjian perdagangan ini? Adakah PSM menentang perdagangan? Atau PSM membantah hanya sebab untuk membantah sahaja? Bukankah perjanjian perdagangan ini diperlukan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia?

Tulisan ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan di atas dan menerangkan kenapa perjanjian perdagangan jenis ini telah menjadi ancaman kepada ekonomi sedunia. Saya juga akan menghujahkan bahawa perjanjian perdagangan yang berbeza daripadanya adalah berkemungkinan, dan melakarkan prinsip umum untuk Perjanjian Perdagangan yang Berpusatkan Rakyat.

Adakah PSM menentang perdagangan bebas?

Mengikut Laporan Ekonomi tahun 2016/17 oleh Perbendaharaan, nilai eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia pada tahun 2016 adalah RM 829 bilion dalam harga semasa. Ini adalah 69% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara kita. Jika kita mengambilkira faktor nilai barangan perantaraan yang diimport untuk mengeluarkan komponen elektronik dan barangan eksport yang lain, kita akan mendapati bahawa kira-kira 33% nilai tambah di Malaysia adalah untuk eksport. Itu adalah satu peraturan yang besar. Jadi, jelas bahawa tiada seorang rakyat Malaysia yang waras akan berhujah bahawa Malaysia patut berhenti daripada berdagang. Terlibat dalam pasaran dunia adalah satu sumber pendapatan yang penting untuk negara kita, dan penglibatan ini jelasnya perlu diteruskan.

Apa yang PSM membantah sebenarnya adalah perjanjian perdagangan digunakan untuk mengetengahkan isu-isu lain yang tidak berkait dengan perdagangan. Halangan untuk perdagangan bebas adalah peraturan seperti cukai import dan tarif. Tetapi perjanjian perdagangan sekarang ini (seperti TPPA dan RCEP) menghabiskan banyak masa dalam isu-isu lain seperti:

- Hak untuk pelabur asing. Sebagai contohnya, TPPA menggariskan perkara berikut sebagai hak pelabur asing yang tidak terpisah –
 - Menerima “Layanan

Nasional”, yang bermaksud bahawa kerajaan negara Dunia Ketiga akan disekat daripada mengambil langkah-langkah khas untuk membangunkan kapasiti bisnes tempatan.

- Bebas daripada semua keperluan untuk membangunkan kepakaran tempatan atau membeli daripada pembekal tempatan.

- Melabur dalam mana-mana sektor ekonomi yang terbuka kepada modal swasta, sama ada bekalan air, penajaan kuasa ataupun kesihatan.

- Hak untuk memintas sistem undang-undang Malaysia, dan membawa pertikaian mereka dengan kerajaan negara kita secara terus ke Tribunal Antarabangsa swasta, di mana peguam yang sama bertukar peranan daripada litigan (pihak yang memfail tuntutan) kepada hakim dari kes ke kes.

- Hak Harta Intelek yang akan memperkuat kedudukan monopoli yang sudah pun dikuasai syarikat multi-nasional yang besar dalam sektor seperti farmaseutikal dan teknologi maklumat.

- Tempoh paten dipanjangkan dengan menggunakan peraturan yang lebih baru.

- Tanggungjawab untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pelanggaran paten telah dipindahkan daripada syarikat pemula kepada kerajaan.

- Undang-undang hak cipta berkenaan buku dan ilmu internet telah diperketatkan. Fasal 18.77(6)(a) dalam TPPA: Setiap negara yang sertai TPPA perlu memberi penalti yang termasuk hukuman penjara dan juga denda wang yang cukup tinggi untuk menghalang perbuatan pelanggaran pada masa depan.

(Tahukah anda? Pengambilan Sofosbuvir, sejenis ubat anti-viral, untuk 3 bulan, boleh mengubati 95% pesakit Hepatitis C. Malangnya, kebanyakan daripada 300,000 pesakit Hepatitis C di Malaysia tidak mampu membeli ubat ini yang berharga sebanyak RM 150,000 untuk tempoh masa 3 bulan bagi seorang pesakit. Ini kerana Malaysia adalah pihak menandatangani dalam beberapa perjanjian hak harta intelek yang wujud. Sofosbuvir untuk 3 bulan boleh diperoleh di India dengan harga RM 4000. Tetapi, farmasi di Malaysia dilarang untuk mendapatkan ubat berkenaan dari India, kerana ia dianggap melanggar undang-undang paten. Jadi, isu-isu berkenaan dengan memperkuat Hak Harta Intelek adalah isu-isu yang hangat dibincangkan. Isu-isu ini memberi impak besar kepada rakyat biasa di Malaysia.)

- Hak membawa masuk modal dan membawa keluar keuntungan dalam apa jua amaun dan pada bila-bila masa. Kuasa kerajaan untuk mengawalselia pergerakan modal disekat dengan hebatnya.



Oleh kerana negara-negara seperti Malaysia dan Vietnam perlu berdagang dengan AS dan Kesatuan Eropah (EU), maka kerajaan Barat menggunakan perjanjian perdagangan untuk “liberalisasikan” ekonomi sedunia dengan cara yang menguntungkan kelas jutawan – orang terkaya 0.001% daripada jumlah penduduk dunia!

Liberalisasi ekonomi sedunia adalah punca utama kepada kemelesetan ekonomi yang melanda dunia!

Keruntuhan Pakatan Warsaw dan diikuti dengan liberalisasi ekonomi dunia melalui perjanjian-perjanjian Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan beberapa perjanjian perdagangan bebas, telah mendatangkan proses berikut:

- Pengalihkeluaran (*offshoring*) pengeluaran oleh syarikat-syarikat multi-nasional (MNC) dari negara berekonomi maju di Eropah dan AS ke negara-negara Dunia Ketiga di mana gaji di situ adalah lebih kurang satu persepuluh berbanding negara maju.

- Pengeluaran di negara-negara Dunia Ketiga biasanya disumberluarkan (*outsouce*) kepada kontraktor Dunia Ketiga, di mana kapitalis tempatan bersaing sesama sendiri untuk mengurangkan kos pengeluaran dan gaji.

- MNC menjual barangan yang dihasilkan secara murah di Dunia Ketiga kepada negara-negara maju dengan harga 80-90% daripada harga yang wujud sebelum pengeluaran disumberluarkan. Oleh sebab kos pengeluaran mereka sekarang ini hanya 10% daripada yang sebelum ini, maka MNC mendapat keuntungan yang amat hebat!

- MNC memindah ibu pejabat mereka ke tempat berlindung cukai, supaya mereka dapat mengelakkan diri daripada membayar cukai di negara asal.

- MNC juga menggunakan Perhargaan Pindahan (*transfer pricing*) untuk mengisytiharkan sebahagian besar keuntungan mereka di tempat berlindung cukai, supaya mengelakkan daripada membayar cukai.

- Negara-negara di seluruh dunia telah mengurangkan cukai korporat dalam usaha untuk mengekalkan syarikat korporat mereka di negara asal. Di Malaysia, cukai korporat telah dikurangkan daripada 40% (daripada keuntungan syarikat) pada tahun 1980-an kepada

25% sekarang ini. Negara kita masih mengejar Singapura yang mempunyai kadar cukai korporat 20% pada takat ini. Ini adalah “perlumbaan ke bawah” (*race to the bottom*).

Proses ini telah mengakibatkan:

- Kehilangan kuasa beli kelas pekerja. Majoriti pekerja industri yang hilang kerja di negara maju, sama ada berada dalam keadaan pengangguran yang kronik ataupun diupah semula dalam kerja yang kurang jaminan dan bergaji rendah.

Peluang pekerjaan di Dunia Ketiga bertambah, tetapi gaji adalah 10 kali lebih rendah daripada negara Barat.

- Pengurangan dalam pendapatan cukai korporat di banyak negara, oleh kerana pengelakan cukai oleh MNC dan kelas jutawan. Ini menyebabkan hutang negara yang tidak terkawal di banyak negara dalam dunia dan tekanan hebat untuk mengurangkan jaringan keselamatan sosial di negara-negara ini.

- Keuntungan yang amat lumayan untuk golongan 0.001% yang terkaya. Ini ditunjukkan dalam laporan Oxfam tahun 2016, yang mengatakan bahawa “1% teratas penduduk dunia (bersamaan 70 juta orang individu) memiliki kekayaan sebanyak jumlah kekayaan yang dimiliki penduduk dunia yang lain. Pada tahun 2010, 388 orang individu terkaya menguasai kekayaan yang bersamaan dengan penduduk dunia yang termiskin 50%, manakala pada tahun 2015, kekayaan 62 individu terkaya telah memadani kekayaan rakyat termiskin 50% di dunia.”

Kesannya adalah Permintaan Agregat Sedunia tidak bertumbuh secukupnya untuk memberikan peluang pelaburan kepada semua keuntungan surplus kelas jutawan. Oleh itu, wujudnya:

- Kadar pelaburan yang rendah.
- Pengangguran kronik, khususnya di kalangan anak muda.
- Kekangan belanjawan kerajaan, dan hutang yang semakin meningkat.
- Pengalihan sebahagian keuntungan surplus ke dalam bidang hartanah dan letusan harga hartanah, menyebabkan berlakunya masalah generasi millennium yang tiada rumah.

Kemelesatan degil yang dialami dunia sekarang ini, adalah secara langsungnya disebabkan oleh terlalu banyak pendapatan dunia telah diasingkan dalam portfolio pelaburan golongan mahakaya – kelas jutawan.

TPPA dan RCEP merupakan usaha untuk meliberalisasikan ekonomi dunia dengan lebih lanjut lagi, dengan cara yang akan membolehkan golongan mahakaya dan MNC untuk mendapatkan bahagian yang lebih besar lagi untuk kekayaan yang dihasilkan. Jelas sekali, ini hanya akan memburukkan lagi kelesuan pertumbuhan permintaan dan kecenderungan kemelesetan dalam ekonomi sedunia.

(bersambung di m/s 13)

Solidariti bersama Venezuela Pertahankan Revolusi Bolívar

Parti Sosialis Malaysia (PSM) dengan mengambil inisiatif untuk mengeluarkan satu kenyataan bersama pada 19 April lalu, bagi menyatakan sokongan dan solidariti kepada rakyat Venezuela dan kerajaan Republik Bolivar Venezuela dalam menghadapi ancaman dan keganasan yang berterusan daripada golongan puak kanan yang mendapat sokongan kuasa imperialis Amerika Syarikat (AS). Kenyataan bersama tersebut mendapat sokongan daripada 22 buah organisasi dari Malaysia, Indonesia, Filipina, Pakistan dan Australia.

Puak pembangkang berhaluan kanan di Venezuela telah melancarkan kempen yang agresif dan mengapi-apikan sentimen kemarahan rakyat untuk menggulingkan Presiden Maduro. Puak berhaluan kanan tersebut telah mempergunakan konflik institusi antara Mahkamah Agung dengan Parlimen yang dikuasai parti pembangkang berhaluan kanan untuk meningkatkan ketegangan, memperhebatkan keganasan politik dan melakukan apa sahaja untuk menimbulkan kekecohan di Venezuela, demi membuka jalan kepada campurtangan kuasa imperialis dari luar dan membolehkan mereka kembali berkuasa, seperti yang pernah berlaku dalam peristiwa rampasan kuasa pada bulan April

2012, iaitu 15 tahun yang lalu.

Pertubuhan Negara-negara Amerika (OAS) telah menyokong puak berhaluan kanan di Venezuela dengan mengancam bahawa ia akan menggunakan apa yang dipanggil Piagam Demokratik untuk campurtangan dalam hal ehwal dalaman Venezuela. Sementara itu, Laksamana Kurt W. Tidd, Komander Arahkan Selatan AS, juga memberi amaran bahawa AS akan bertindak terhadap situasi “ketidakstabilan” di Venezuela, di mana ini merupakan isyarat bahawa AS akan mencampurtangan di Venezuela untuk membantu puak berhaluan kanan. Tindakan sebegini oleh kuasa imperialis dalam mengancam kedaulatan Venezuela dan prinsip-prinsip rakyat Venezuela menentukan nasib sendiri, merupakan sesuatu yang membimbangkan.

Akibat campurtangan kuasa luar dan pengambilalihan kuasa melalui cara keganasan oleh puak berhaluan kanan akan membawa bencana kepada rakyat Venezuela, di mana segala pencapaian sosial daripada proses Revolusi Bolivar untuk 18 tahun yang lepas akan dihancurkan sepenuhnya. Puak berhaluan kanan yang mewakili kepentingan golongan oligarki akan menghancurkan program misi sosial, memulangkan syarikat dan tanah yang

dimiliknegrakan kepada pemilik yang mahakaya, mengurangkan pencen warga tua dengan hebatnya, dan mengurangkan perbelanjaan dalam kesihatan serta pendidikan. Kegagalan Revolusi Bolivar di Venezuela juga akan memberi tamparan kepada kuasa-kuasa progresif dan mempunyai implikasi yang meluas untuk rantau Latin Amerika.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan pada 19 April lalu, PSM dan organisasi kiri di Asia Pasifik:

- Menegaskan sokongan dan solidariti untuk Revolusi Bolivar di Venezuela.
- Menolak sebarang bentuk campurtangan kuasa asing yang bertujuan menggugat kemerdekaan dan kedaulatan Venezuela.
- Menyeru pada kuasa-kuasa progresif di dunia untuk menyokong usaha rakyat Venezuela dalam mempertahankan Revolusi Bolivar.

Kenyataan bersama ini mendapat sokongan daripada organisasi berikut:

1. Parti Sosialis Malaysia (PSM)
2. Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT)
3. Pertubuhan Pembangunan Sosio Ekonomi Rakyat Golongan Miskin – FREEDOM
4. Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM)
5. Partido Lakas ng Masa (PLM),



- Philippines
6. Awami Workers Party (AWP), Pakistan
 7. Lembaga Informasi Perburuhan Sedane (LIPS), Indonesia
 8. Konfederasi Persatuan Buruh Indonesia (KPBI), Indonesia
 9. Konfederasi Pergerakan Rakyat Indonesia (KPRI), Indonesia
 10. Federasi Mahasiswa Kerakyatan (FMK), Indonesia
 11. Asia Monitor Resource Centre (AMRC)
 12. Socialist Alliance, Australia
 13. Australia-Venezuela Solidarity Network, Australia
 14. Latin America Social Forum, Australia
 15. FMLN Support Committee, Brisbane, Australia
 16. Australia Venezuela Association of ACT Inc.
 17. Latin American Solidarity Network (LASNET), Australia
 18. Women Workers Forum, Bekasi, Indonesia
 19. Konfederasi Serikat Nasional (KSN), Indonesia
 20. Perempuan Mahardhika, Indonesia
 21. Politik Rakyat, Indonesia
 22. Committee for Asian Women

(bersambung dari m/s 12)

Ciri-ciri Perjanjian Perdagangan Berpusatkan Rakyat

Satu perjanjian perdagangan yang berpusatkan rakyat akan cuba memperbetulkan ketidakseimbangan yang diwujudkan oleh susunan ekonomi sedunia yang memberikan terlalu banyak faedah kepada kelas jutawan.

Seperti perjanjian perdagangan berpusatkan jutawan sekarang ini yang menggunakan mekanisme hukuman dan ganjaran (*stick and carrot*), dengan tarif yang punitif (hukuman) dan akses pasaran (ganjaran) untuk mewujudkan persekitaran yang lebih berpihak kepada MNC besar, rakyat patut melobi untuk perjanjian yang menggunakan kaedah hukuman dan ganjaran yang sama (misalnya akses pasaran dan tarif), untuk mencapai faedah ekonomi bagi majoriti.

Perjanjian sebegini akan bertujuan untuk:

- Mengagihkan semula sebahagian besar pendapatan negara kepada rakyat termiskin 80%, dengan meningkatkan gaji minimum secara berperingkat. Ini akan mempertingkatkan permintaan agregat dan dengan itu merangsang pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan. Bisnes kecil dan sederhana akan mempunyai pasaran yang lebih besar untuk menjual barangannya. Ini adalah situasi menang-menang untuk 90% rakyat!

- Mengatasi kelemahan percukaian dan memastikan syarikat terkaya membayar cukai yang sepatut dibayarnya. Juga patut adanya peningkatan secara beransur-ansur untuk kadar cukai korporat. Ini memerlukan kerjasama antara semua negara dalam rantau ini, jika tidak, akan berlakunya pengaliran keluar dari negara yang menaikkan cukai korporat secara sendiri.

- Lebih tegas dalam memberi paten atau hak cipta, khususnya untuk barangan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan kesihatan dan pendidikan. Banyak perkara yang terkandung dalam perjanjian hak harta intelek mewujudkan keadaan monopoli untuk MNC besar! Realiti ini harus dibongkarkan!

- Sistem Penyelesaian Pertikaian Pelabur-Negara (ISDS) harus dirombak sepenuhnya. Pelabur asing perlu memfailkan tuntutan di mahkamah negara tuan rumah terlebih dahulu, dan hanya boleh membawa tuntutan ke tribunal antarabangsa selepas sistem undang-undang dalam negara tersebut tidak dapat menyelesaikannya (ataupun jika berlaku kelewatan yang tidak berpatutan dalam proses undang-undang negara tuan rumah). Tribunal antarabangsa patut terdiri daripada 3 orang hakim dari 3 buah negara peserta perjanjian perdagangan tetapi tidak terlibat dalam pertikaian tersebut. Dalam suasana TPPA, ini bermakna dalam kes syarikat AS menyaman Malaysia, 3 orang hakim yang duduk dalam tribunal perlu diambil dari 3 daripada 10 negara lain yang menyertai TPPA,

bukannya dari AS ataupun dari Malaysia. Perbicaraan patut diadakan di Malaysia supaya kumpulan dan masyarakat tempatan yang terjejas oleh aktiviti MNC boleh menghadiri perbicaraan tersebut. Ianya juga patut menyatakan dengan jelasnya bahawa isu alam sekitar dan kesihatan diberi keutamaan berbanding keuntungan syarikat dalam litigasi ISDS.

Contoh yang praktikal

Kita perlu berusaha bersama gerakan rakyat di negara ASEAN yang lain untuk melobi supaya Perjanjian Perdagangan ASEAN memasukkan perjanjian tambahan yang memastikan semua negara peserta berkomitmen untuk menaikkan gaji minimum mereka 10% setiap tahun untuk 5 tahun yang akan datang. Ini akan meningkatkan pasaran domestik dalam ASEAN, dan mewujudkan lebih peluang perniagaan untuk usahawan di negara ASEAN. Jika sesebuah negara ASEAN tidak mematuhi syarat kenaikan gaji minimum, eksportnya ke negara ASEAN yang lain akan dikenakan cukai import terkumpul sebanyak 5% untuk setiap tahun ia gagal mematuhi.

Dengan cara yang sama, semua negara ASEAN patut bersetuju untuk menaikkan cukai korporat 1% setiap tahun sehingga mereka mencapai kadar 40% daripada keuntungannya. Ini akan menambahkan pendapatan kerajaan yang boleh digunakan untuk memberikan jaringan keselamatan sosial yang lebih baik untuk rakyat dan membiayai peralihan penjanaan

tenaga elektrik kepada sumber yang tidak mencemari alam. Peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan juga akan menambahkan permintaan agregat di rantau ASEAN, maka mewujudkan pasaran yang lebih mendalam untuk bisnes ASEAN. Negara ASEAN yang gagal meningkatkan cukai korporat seperti yang ditetapkan perlu dikenakan tarif tambahan ke atas barangan dan perkhidmatan yang diekport mereka ke negara ASEAN yang lain.

Pengwujudkan pasaran domestik yang lebih mendalam di negara-negara Asia dan Afrika akan memainkan peranan penting dalam mengurangkan kebergantungan negara-negara sedang membangun pada pasaran AS dan EU.

Ketamakan kelas jutawan yang tidak terkawal adalah punca utama kepada masalah ekonomi kita hari ini. Penyelesaiannya terletak dalam usaha membendung keistimewaan dan kuasa berlebihan yang dinikmati golongan mahakaya, serta mewujudkan ekonomi yang lebih inklusif dan bersifat mampan dari segi alam sekitar. Satu komponen penting dalam penyelesaian ini adalah kesedaran bahawa perjanjian perdagangan “bebas” telah menjadi alat elit politik negara maju untuk mewujudkan ekonomi berat sebelah sekarang ini yang berpihak pada golongan jutawan. Kita perlu mengambilalih alat ini dan menggunakannya untuk membina sebuah dunia yang lebih adil dan mampan. ##

Keringat marhaen

oleh K.Z. Iskandar Zulfaqar

Sayu sekali wajah Pak Hassan melihatkan dua orang anaknya yang masih lena dibuai mimpi. Berlinangan air mata Pak Hassan tatkala melihat dua bujur tubuh anaknya itu hanya beralaskan tikar getah. Dia sedar anaknya juga mempunyai hak yang sama dengan kanak-kanak lain untuk hidup selesa, namun Pak Hassan tidak mampu untuk memberikan keselesaan itu.

Tatkala kanak-kanak lain bangun pagi, mereka akan gembira melihat wajah ibu bapa di sisi sambil bersarapan bersama. Pak Hassan sedar anak-anaknya tidak dapat merasa nikmat itu. Awal pagi sebelum matahari sempat bersua, Pak Hassan telah mengangkat kaki dari rumah untuk mengutip rezeki Allah di bumi ini. Peluang untuk Pak Hassan bertemu dengan anak-anaknya hanyalah pada waktu malam, iaitu selepas dia pulang daripada kerja. Itupun jika anak-anaknya masih belum tidur.

Dunia hari ini memang zalim. Kadang-kadang dia merasakan dunia ini hanya untuk orang kaya. Tak pernah adil langsung. Orang kaya boleh bergembira dan bersenang-lenang dengan kekayaan mereka walhal rakyat marhaen sepertinya perlu bertungkus-lumus mencari rezeki, bukan untuk kaya tetapi hanya untuk memenuhi perut yang kosong.

Pak Hassan beruntung kerana anak-anaknya bukan jenis yang merungut. Mereka bersyukur dengan apa sahaja yang sudah mereka ada. Malah ketika musim cuti sekolah mereka turut bersama Pak Hassan mencari rezeki. Isteri Pak Hassan, Mak Minah juga sama.

Pak Hassan masih berdiri di hadapan bilik anak-anaknya sambil memerhati mereka yang sedang nyenyak tidur. Jauh sekali Pak Hassan mengelamun sambil memikirkan nasib mereka sekeluarga. Dia sedar bukan mudah baginya untuk mencari rezeki. Kerjanya sebagai buruh memang mencabar. Ada sahaja bahaya yang menanti.

Pernah sekali Pak Hassan hampir terjatuh daripada tingkat dua bangunan yang sedang dalam pembinaan. Nasib menyebelahnya apabila Ismail, rakannya berjaya mencapai tangannya sebelum dia terjatuh.

“Abang tak bersiap lagi? Dah lewat ni.”

Suara Mak Minah yang datang dari arah belakang menghentikan lamunan Pak Hassan yang telah jauh belayar. Pak Hassan mengalihkan pandangannya ke arah jam dinding. Memang benar kata-kata isterinya itu.

“Makin susahlah hidup kita. Kita ni nak makan pun duit tak cukup. Salah abang Minah. Salah abang sebab dulu abang termakan dengan janji manis mereka. Abang undi mereka dalam PRU dulu supaya mereka dapat kuasa mentadbir negara. Abang tak sangka mereka boleh mengkhianati kepercayaan rakyat sampai macam ni.”

“Kalau ditakdirkan abang dah tak balik, sampaikan maaf abang kepada kedua-dua puteri kita kerana tersalah memilih pemimpin untuk mereka. Sampaikan juga amanat abang kepada mereka, iaitu berjuanglah menukar tampuk kepimpinan negara kita.”



Dia sudah lewat. Pak Hassan perlu cepat bersiap dan pergi ke tapak pembinaan. Begitulah nasib warga marhaen seperti Pak Hassan. Ketika pemimpin negara sedang riak dengan kekayaan yang mereka kaut, rakyat di bawah pula sedang merana meniti hidup yang sukar.

Tidak cukup dengan riak, mereka malah menggunakan rakyat untuk membayar hutang negara yang kini di tahap yang sangat parah. Terbaru, mereka memperkenalkan cukai GST yang sudah terang lagi bersuluh membebankan rakyat. Semuanya demi kepentingan mereka. Mereka tidak langsung memikirkan nasib rakyat. Mereka hanya fikir sekali iaitu menjelang pilihanraya. Demi meraih undi, itulah masa rakyat di hati.

“Abang sedih sangat tengok anak-anak kita tu. Abang rasa bersalah kat mereka. Mereka tak merasa pun hidup selesa macam kawan-kawan yang lain. Tidur pun takdak katil, makan pun biasa-bisa saja,” luah Pak Hassan.

“Sabarlah abang. Ni semua dugaan untuk kita. InshaAllah ada hikmah di sebalik semua ni.”

Mak Minah tahu suaminya itu sudah buat yang terbaik untuk keluarga mereka. Dia tidak pernah menyalahkan Pak Hassan atas kesulitan ekonomi yang mereka hadapi. Ada satu berita yang Pak Hassan tak tahu kerana dia tidur awal semalam. Serba salah juga Mak Minah nak beritahu kerana fikiran Pak Hassan pasti akan berserabut jika mengetahuinya.

“Ada benda yang saya nak bagitahu abang ni,” kata Mak Minah memulakan bicara. Berat sungguh hatinya untuk memberitahu berita itu tatkala melihat suaminya sedang berselera menjamah goreng pisang di

meja makan. Namun, dia harus beritahu juga kerana maklumat itu sangat penting.

“Apa dia Minah? Kamu nak bagitahu apa kat abang?”

Diri Pak Hassan dipenuhi rasa ingin tahu. Melihatkan riak muka isterinya itu, dia tahu berita yang bakal diterimanya itu bukanlah berita baik. Pak Hassan tetap bertenang untuk menerima berita tersebut sambil menyuapkan sekeping pisang goreng ke dalam mulut.

“Harga barang naik lagi abang. Semalam dalam berita saya tengok harga akan naik berkuatkuasa hari ini. Minyak masak naik harga, gula pun naik, tepung pun naik sampai beringgit-ringgit. Minyak petrol pun naik harga abang.”

Sedikit rasa sesal timbul di wajah Mak Minah setelah memberitahu perkara itu kepada suaminya. Dia yakin suaminya amat tersentak mendengarkan berita itu. Namun, mahu atau tidak dia harus juga

beritahu supaya Pak Hassan tidak terkejut ketika dia membeli di kedai nanti.

“Ya Allah. Bencana lagi Minah. Makin susahlah hidup kita. Kita ni nak makan pun duit tak cukup. Salah abang Minah. Salah abang sebab dulu abang termakan dengan janji manis mereka. Abang undi mereka dalam PRU dulu supaya mereka dapat kuasa mentadbir negara. Abang tak sangka mereka boleh mengkhianati kepercayaan rakyat sampai macam ni.”

Pepatah Melayu ada mengatakan sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. Begitulah pepatah yang sesuai menggambarkan keadaan Pak Hasan sekarang. Dia menyesali tindakannya mengundi sebuah parti yang kini berkuasa dan menzalimi rakyat. Sesalannya kini tiada guna lagi kerana pemimpin yang diundinya itu tidak sedikitpun mendengarkan rintihan sengsara dia dan keluarganya.

Pak Hassan yang tidak berdaya lagi menahan air mata sesalannya bangun meninggalkan meja makan untuk bersiap-siap turun ke laut. Dia berjalan lemah menuju ke arah pintu rumahnya dan menyarungkan kasut sebelum bergerak ke arah bot miliknya.

Dia menoleh ke belakang, memerhati Mak Minah yang sedang berdiri melambai ke arahnya menandakan ucapan selamat tinggal.

“Minah. Kalau ditakdirkan abang dah tak balik, sampaikan maaf abang kepada kedua-dua puteri kita kerana tersalah memilih pemimpin untuk mereka. Sampaikan juga amanat abang kepada mereka, iaitu berjuanglah menukar tampuk kepimpinan negara kita.” Pak Hassan berlalu pergi dengan penuh sayu di wajahnya. ##



KUIZ PEKERJA



Jawapan

Menurut Seksyen 12(1) Akta Kerja 1955, “mana-mana pihak kepada kontrak perkhidmatan boleh pada bila-bila masa memberikan kepada pihak yang satu lagi tentang niatnya untuk menamatkan kontrak perkhidmatan tersebut”.

Seksyen 12(2) Akta Kerja 1955 menyatakan bahawa **panjang tempoh notis** tersebut hendaklah

sama bagi kedua-dua pihak, iaitu majikan dan pekerja. Panjang tempoh yang diperlukan untuk notis biasanya menurut peruntukan yang tertulis dalam kontrak perkhidmatan yang ditandatangani oleh pekerja.

Sekiranya tiada peruntukan untuk jangka notis dalam kontrak perkhidmatan, maka jangka masa notis itu akan berdasarkan peruntukan yang terdapat dalam Seksyen 12(2) Akta Kerja, dengan pengiraan seperti yang berikut:

Tempoh perkhidmatan	Tempoh notis yang diperlukan
< 2 tahun	Sekurang-kurangnya 4 minggu
2 – 5 tahun	Sekurang-kurangnya 6 minggu
≥ 5 tahun	Sekurang-kurangnya 8 minggu
(1 minggu di sini bermaksud tempoh selama 7 hari berturut-turut)	



Kewangan

Matawang adalah sejenis komoditi. Ia adalah komoditi di mana semua komoditi yang lain menunjukkan nilai tukar masing-masing melalui nilainya. Sebagai pengukur bersama untuk nilai, matawang tiada apa-apa sifat yang misteri. Matawang juga merupakan hasil buruh manusia, dan ia mempunyai nilai yang tertentu. Apabila aktiviti pertukaran komoditi semakin kerap dan mendominasi seluruh masyarakat, matawang bukan lagi semata-mata pengukur bersama untuk nilai, tetapi menjadi alat pertukaran.

Apabila peredaran komoditi dibahagi kepada dua, di mana satunya peredaran komoditi (hasil pengeluaran) dan satu lagi peredaran matawang, matawang itu juga dipecah fungsinya kepada dua:

- Cara peredaran
- Cara membayar secara tertunda

Dalam masyarakat yang didominasi oleh pengeluaran komoditi, peredaran komoditi dalam jumlah besar dijalankan melalui kredit, barangan yang sama nilai matawangnya untuk sesuatu komoditi hanya boleh diperoleh selepas pertukaran.

Kewangan (*finance*) adalah sebahagian daripada peruntukan sumber dalam ekonomi kapitalis. Perbankan dan sistem kewangan bagaikan minyak pelincir untuk ekonomi kapitalis. Namun, perluasan dan penguasaan kewangan ke atas ekonomi kapitalis yang tidak dapat dielakkan itu, mendatangkan masalah yang serius kepada sistem kapitalis itu sendiri.

Kewangan adalah bidang khusus dalam ekonomi kerana pergerakan

harga sekuriti adalah berasingan daripada dinamik modal fizikal. Perluasan dan penguasaan bidang kewangan ke atas ekonomi merupakan punca utama kepada krisis ekonomi kapitalis yang melanda seluruh dunia untuk beberapa dekad kebelakangan ini. Pada tahun 2007, sektor kewangan Amerika Syarikat sudahpun menjana lebih daripada 40% keuntungan korporat negara itu. Nisbah keuntungan daripada sektor kewangan yang semakin besar berbanding dengan sektor pengeluaran industri, menjadikan ekonomi kapitalis semakin bercelaru dan mengundang risiko yang semakin tinggi untuk berlakunya krisis ekonomi.

Finansialisasi (*financialisation*) adalah dominasi modal kewangan dalam ekonomi keseluruhan, iaitu peranan bidang kewangan (termasuk bank, sekuriti, insurans dan kredit hartanah) semakin ketara dalam ekonomi sehingga mendatangkan pengaruh yang mendalam.

Finansialisasi merupakan perubahan ketara peranan yang dimainkan oleh modal kewangan dalam kapitalisme. Ia merupakan hasil sampingan sejurus selepas tamatnya Perang Dunia II, di mana pengumpulan secara besar-besaran modal kewangan yang berlaku di bawah kawalselia sistem kapitalis global sehingga “dibebaskan” sepenuhnya pada tahun 1970-an.

Finansialisasi adalah penjanaan keuntungan tanpa pengeluaran apa-apa benda yang berguna.

Finansialisasi boleh berlaku kerana:

- Sejak tahun 1970-an, syarikat-syarikat besar sudah kurang bergantung pada bank-bank untuk keperluan kewangan mereka.
 - Bank-bank telah semakin terlibat dalam perdagangan pasaran terbuka dan meningkatkan pinjaman kepada individu dan isi rumah, berbanding dengan pelaburan tradisional dalam pengeluaran untuk jangka masa panjang sebelum ini.
 - Individu (pekerja-pengguna) semakin hari semakin terjebak dalam pasaran kewangan untuk mendapatkan dana (meminjam wang dari bank) bagi perbelanjaan penggunaan harian dan rancangan masa hadapan mereka (beli rumah, pendidikan, insurans hayat dan sebagainya).
- Kewangan amat bergantung pada likuiditi (aliran wang tunai). Ekonomi yang dibiayai secara hebat oleh sistem kewangan akan lebih cenderung kepada berlakunya krisis likuiditi. Lebih-lebih lagi, apabila berlaku krisis likuiditi, “wang tunai jadi raja”. Bank bergantung pada pengaliran wang tunai untuk



mengekalkan aktiviti, pembekuan dalam likuiditi boleh membawa maut, dan menyebabkan gelembung ekonomi pecah.

Apabila berlakunya krisis ekonomi, bukan sahaja komoditi sukar ditukar menjadi matawang, sekuriti juga sukar bertukar menjadi matawang. Ini akan mengurangkan kebolehan membayar seluruh masyarakat dengan hebatnya.

Penguasaan modal kewangan membawa kepada spekulasi, iaitu modal dilaburkan bukan lagi dalam sektor yang produktif (pengeluaran komoditi), tetapi diperjudikan dengan pembelian instrumen kewangan (bon, saham, kontrak hadapan dan terbitan kewangan yang lain). Ini menjadikan ekonomi sedunia terjerumus dalam kapitalisme kasino.

Finansialisasi mewujudkan gelembung kewangan. Apabila gelembung ekonomi itu berkembang, ia memberikan gambaran palsu bahawa ekonomi sedang bertumbuh, tetapi apabila gelembung meletup (krisis ekonomi), impaknya bukan sahaja pada aktiviti pasaran tetapi merentasi pelbagai aspek dalam masyarakat.

Gelembung ekonomi terbentuk dengan spekulasi kewangan yang berleluasa. Apabila gelembung ekonomi meletup, bank-bank dan institusi kewangan akan menghadapi kebangkrutan. Sekiranya bank-bank bankrap, modal kewangan akan “dihancurkan” dan aset-aset modal akan susut nilai. Ini akan membuka lebih ruang kepada modal kewangan yang baru untuk berkembang, tetapi tidak akan dapat menghalang krisis yang pasti berulang lagi.

Oleh sebab ekonomi dikuasai oleh modal kewangan, apabila berlakunya krisis kewangan, seperti Keruntuhan Wall Street pada tahun 1929, Krisis Kewangan Asia 1997 dan Krisis Kewangan Sedunia 2007-08, kerajaan negara kapitalis bertungkus-lumus untuk menyelamatkan bank-bank yang bermasalah dengan mengorbankan kesejahteraan rakyat biasa (termasuklah pemberhentian kerja, pengurangan perbelanjaan kebajikan dan sebagainya). Setiap kali sistem kewangan itu “diselamatkan”, tidak bermakna krisis itu telah diselesaikan, tetapi hanya ditangguhkan lagi ke masa hadapan yang akan meletus dengan lebih mengerikan lagi. ##



Modal rekaan (*fictitious capital*):

- Modal rekaan** atau **modal bayangan**, adalah hasil daripada permodalan sistem kredit dan matawang.
- Ia berbeza dengan “modal sebenar” (*real capital*), iaitu modal yang sebenarnya dilaburkan dalam pengeluaran (untuk mendapatkan cara-cara pengeluaran fizikal dan tenaga kerja). Ia juga berbeza dengan “modal matawang” (*money capital*), iaitu dana wang sebenar yang dipegang oleh seseorang kapitalis.
- Modal rekaan merupakan modal yang diwujudkan daripada pinjaman kredit (nota janji hutang, kiriman wang dan wang desposit), sekuriti (saham dan bon), rizab bank dan instrumen spekulatif yang lain.
- Modal rekaan berasaskan modal sebenar, tetapi modal rekaan juga bebas daripada modal sebenar, dengan kaedah operasi yang tersendiri.
- Modal rekaan dapat memperluaskan pengumpulan modal matawang, mendorong pemusatan modal dan mempercepatkan pusing ganti modal.
- Namun, modal rekaan yang digunakan sebagai alat untuk spekulasi, membawa kepada kemakmuran yang palsu, dan juga mencetuskan krisis ekonomi.

Modal kewangan (*finance capital*):

- Modal monopoli yang dibentuk melalui saling tembus-menembusi dan bersepadu antara modal perbankan dan modal industri.
- Modal kewangan merupakan modal monopoli pada peringkat paling tinggi.
- Modal industri berintegrasi dengan modal perbankan dalam kitaran peredarannya, adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam operasi modal moden, dan menonjolkan peranan penting matawang dalam ekonomi pasaran kapitalis.
- Modal kewangan menggantikan modal industri untuk menguasai seluruh masyarakat kapitalis, merupakan ciri penting untuk imperialisme.
- Melalui pengeluaran sekuriti, pembukaan korporat baru, penyusunan semula syarikat perusahaan kecil dan sederhana, pelaksanaan pelbagai bentuk penggabungan korporat, dan juga pembentukan organisasi monopoli, modal kewangan dapat memperoleh keuntungan monopoli yang lumayan, dan menguasai seluruh ekonomi.

Sekitar aksi sambutan Hari 1 Mei

Sambutan Hari 1 Mei telah menjadi satu tradisi gerakan pekerja di seluruh dunia untuk meraikan kuasa pekerja. Di Malaysia, aksi sambutan Hari 1 Mei di jalanan dianjurkan setiap tahun oleh Jawatankuasa Mei Satu yang terdiri daripada organisasi-organisasi masyarakat. Tahun ini, ratusan rakyat daripada pelbagai latar belakang turun ke jalanan di Kuala Lumpur untuk menyertai aksi sambutan Hari 1 Mei bertemakan “Hilang Kerja, Pekerja Merana - Tabung Henti Kerja Sekarang”.




foto oleh Low Wawa

KUIZ PEKERJA

Jika seseorang majikan hendak memberhentikan seseorang pekerja, ataupun seseorang pekerja hendak menamatkan kontrak perkhidmatan dengan majikannya, **notis selama berapa hari harus diberikan?**
(Jawapan di m/s 14)

Sudut Komik

**Pekerja bersatu
melawan penindasan**



2017